

بَابُ وَقْتِ الْعَصْرِ

95- Bab Waktu 'Ashar.⁹⁴¹

⁹⁴¹ Di bawah باب تأخير الظهر إلى العصر (Bab Melewatkan Zohor Sehingga Ke 'Ashar) yang lalu telah pun dikemukakan dua pendapat tentang kenapa Imam Bukhari tidak menyebut dengan terang batas terakhir waktu Zohor (lihat (1) di bawah:939). Sebabnya ialah para "ulama" berbeza pendapat tentang penghujung waktu Zohor. Ada yang berpendapat ia berakhir apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya dan ada pula yang berpendapat ia baru berakhir apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Oleh kerana hadits-hadits apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya (أحاديث المثل) dan hadits-hadits apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya (أحاديث المثلين) tidak menepati syarat beliau, Bukhari tidak menjadikannya sebagai penentu dalam masalah ini. Di bawah nota yang sama juga (lihat (4) di bawah nota:939) telah dikemukakan bahawa sesetengah 'ulama' berpendapat oleh kerana kedua-dua pendapat itu mempunyai alasan tersendiri dan masing-masing daripadanya agak kuat, itulah sebabnya Imam Bukhari tidak menyebelahi mana-mana pihak. Dua sebab itulah juga yang menahan Imam Bukhari daripada menyebutkan dengan terang tentang batas permulaan bagi waktu 'Ashar. Adakah ia bermula selepas bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya atau selepas bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya? Bagaimanapun permulaan waktu 'Ashar dan penghujung waktu Zohor difahami beliau hanya berdasarkan istimbath (kesimpulan) daripada hadits-hadits yang dikemukakannya di bawah bab ini. Hadits-hadits di bawah bab ini kesemuanya menunjukkan Rasulullah s.a.w. selalu bersembahyang 'Ashar di awal waktunya iaitu ketika matahari masih lagi tinggi di sebelah barat, panas dan bersinar-sinar cerah. Secara tidak langsung ia menunjukkan pilihan Bukhari dalam masalah ini. Pilihan beliau nampaknya sama dengan pilihan jumhur 'ulama' yang mengatakan waktu 'Ashar itu bermula selepas bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya, selain bayang yang sedia ada pada ketika matahari betul-betul berada di puncaknya. Antara tokoh 'ulama' yang berpendapat begini ialah Malik, Sufyaan ats-Tsauri, Syafi'e, Ahmad, Ishaq, Abu Tsaur, Abu Yusuf, Muhammad bin al-Hasan asy-Syaibaani, Zufar, at-Thahaawi dan lain-lain. Menurut keterangan Imam Tirmizi di dalam Sunannya, antara yang berpendapat begini di kalangan sahabat ialah Saiyyidina 'Umar, 'Abdullah bin Mas'ud, 'Aaisyah, Anas dan lain-lain. Tokoh-tokoh yang berpendapat, waktu 'Ashar baru masuk apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya ialah Imam Abu Hanifah, Ibrahim an-Nakha'i, Abu Qilaabah (Muhammad bin 'Abdul Malik), Ibnu Syubrumah, Ahmad dalam salah satu riwayat daripada beliau dan lain-lain. Abu Hurairah dan Ibnu Mas'ud adalah antara yang berpendapat begini di kalangan sahabat. Imam Abu Hanifah dalam masalah ini sebenarnya mempunyai empat pendapat: (a) Sama seperti jumhur 'ulama' iaitu waktu 'Ashar bermula selepas bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya, selain bayang yang sedia ada pada ketika matahari betul-betul berada di puncaknya. Pendapat beliau ini diriwayatkan oleh Muhammad bin al-Hasan. (b) Waktu di antara bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya sehingga bayangnya menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya adalah musytarak (waktu yang dikongsi bersama oleh Zohor dan 'Ashar). Menurut Maulana Muhammad Anwar Shah al-Kashmiri, fatwa dalam mazhab Hanafi memakai pendapat ini untuk orang-orang 'uzur dan musafir. (c) Berdasarkan riwayat Hasan bin Ziad (salah seorang murid utama Abu Hanifah), Abu Hanifah berpendapat waktu di antara bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya sehingga bayangnya menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya adalah muhmal (waktu hampa). (d) Waktu 'Ashar bermula selepas bayang sesuatu

738

bersembahyang 'Ashar ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya selain bayangnya selebar tali kasut itu. Beliau bersembahyang Maghrib ketika matahari terbenam. Beliau bersembahyang 'Isyaa' apabila lenyap syafaq. Kemudian bersembahyang Subuh ketika terbit fajar. Pada keesokan harinya beliau bersembahyang Zohor ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Beliau bersembahyang 'Ashar ketika bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Jarak masanya dengan waktu maghrib ialah selama orang yang menaiki unta laju boleh sampai ke Zilhulaifah. Beliau bersembahyang Maghrib ketika matahari terbenam. Beliau bersembahyang 'Isyaa' setelah berlalu sepertiga (awal) malam. Kemudian bersembahyang 'Isyaa' pada waktu isfaar (telah cerah tanah). Kami bertanya Jaabir: "Bagaimana kami hendak bersembahyang dengan Hajjaaj, dia (sering) melewati sembahyang? Jawab Jaabir: "Kalau dia bersembahyang pada waktunya, bersembahyanglah bersamanya. Tetapi kalau dia melewati sembahyang, kamu kerjakanlah sembahyang pada waktunya. Anggaphlah sembahyang yang kamu kerjakan dengannya sebagai (sembahyang) sunat. Bicaraku ini adalah amanahku di sisimu. Kalau aku sudah mati, tak kisahlah jika Hajjaaj hendak membongkar kuburku sekalipun. (Hadits riwayat Ibnu Abi Syaibah). **Di dalam al-Binaayah Syarah al-Hidaayah al-'Aini** mengemukakan beberapa lagi hadits yang dijadikan golongan Hanafiyyah sebagai pegangan mereka. Hadits-hadits itu sebagai sambungan kepada tiga hadits yang dikemukakan tadi ialah: (4) Daaraquthni meriwayatkan, katanya: حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ النِّسَابُورِيُّ ثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يَحْيَى ثَنَا أَبُو عَاصِمٍ ح وَحَدَّثَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ وَأَحْمَدُ بْنُ عَلِيٍّ بْنِ الْعَلَاءِ قَالَا نَا أَبُو الْأَشْعَثِ أَحْمَدُ بْنُ الْمِقْدَامِ نَا أَبُو عَاصِمٍ ثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ بْنُ نَافِعٍ قَالَ تَخَلَّتْ مَسْجِدَ الْمَدِينَةِ فَأَذَّنَ مُؤَذِّنٌ بِالْعَصْرِ وَشَفِيعُ جَالِسٌ فَلَامَهُ وَقَالَ إِنَّ أَبِي أَخْبَرَنِي أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُ بِتَأْخِيرِ هَذِهِ الصَّلَاةِ فَسَأَلْتُ عَنْهُ فَقَالُوا هَذَا عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ رَافِعٍ بْنِ خَدِيجٍ بِمَعْنَى بَرْمَاكُوسُ: 'Abdul Waahid bin Naafi' al-Kalaa'i bercerita, katanya: Pernah saya masuk ke dalam masjid bandar (Kufah). Mu'azzin melaungkan azan untuk sembahyang 'Ashar. Tiba-tiba ada seorang tua mencela mu'azzin itu dengan katanya: "Sesungguhnya ayahku pernah menceritakan kepadaku bahawa Rasulullah s.a.w. selalu menyuruh supaya diperlewatkan sembahyang ini. Saya bertanya (orang ramai) siapakah orang tua ini? Jawab mereka: "Inilah 'Abdullah bin Raafi' bin Khadij." (5) Imam Tirmizi meriwayatkan, katanya: حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ خُوَيْرٍ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ ابْنُ عُثَيْمٍ عَنْ أَيُّوبَ عَنْ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ أَنَّهَا قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَشَدَّ تَعْجِيلًا لِلْعَصْرِ مِنْهُ بِمَعْنَى بَرْمَاكُوسُ: Ummu Salamah berkata: "Rasulullah s.a.w. lebih cepat mengerjakan Zohor daripada kamu. Kamu pula lebih cepat mengerjakan 'Ashar daripada Baginda." Hadits Ummu Salamah ini diriwayatkan juga oleh Ahmad di dalam Musnadnya. Selain hadits (1) dan (5) ini, semua hadits yang telah dikemukakan oleh al-'Aini itu dipertikaikan kesahihannya oleh para 'ulama' hadits, kerana tidak menepati piawaian hadits sahih. Hadits (1) walaupun sahih pada pandangan kebanyakan 'ulama' hadits, tidak jelas menunjukkan waktu 'Ashar bermula pada ketika bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Sabda Rasulullah s.a.w. : ثُمَّ صَلَّى الْعَصْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّ كُلِّ شَيْءٍ مِثْلَهُ بِمَعْنَى BERMAKSUD: Kemudian bersembahyang 'Ashar (pada hari berikutnya) ketika bayang sesuatu menjadi satu kali lebih panjang daripadanya. Itu tidak lebih daripada menyatakan penghujung waktu 'Ashar yang terpilih semata-mata. Ia sama sekali tidak memberi erti waktu 'Ashar baru masuk pada ketika itu. Hadits (2) dha'if dan tidak boleh dijadikan hujjah kerana beberapa sebab berikut: (a) Adanya seorang perawi majhul di dalam isnadnya. Perawi itu ialah Yazid bin 'Abdir Rahman bin 'Ali bin Syaibaan. Kerananya hadits itu menjadi dha'if. (b) Tidak ada siapa pun mengatakan tidak harus melewati sembahyang 'Ashar selagi matahari masih putih bersih (tidak berubah menjadi kekuningan atau kemerahan warnanya). (c) Keberadaan perkataan كان sebelum perkataan يُوْخِرُ tidak semestinya dianggap sebagai madhi istimrari yang memberi erti selalu pada masa lalu atau ia merupakan kebiasaan Rasulullah s.a.w. Ini kerana ia bercanggah dengan sekian banyak hadits lain yang sahih dan kuat yang mana semuanya menunjukkan kebiasaan Baginda s.a.w. ialah bersembahyang 'Ashar di awal waktunya. (d) Hadits ini mungkar kerana matannya bercanggah dan bertentangan dengan matan (teks) hadits-hadits sahih yang lain. Hadits (3) dha'if dan tidak boleh dijadikan hujjah juga kerana di dalam isnadnya terdapat seorang perawi dha'if bernama

Kharijah bin 'Abdillah bin Sulaiman. Imam Ahmad dan Daaraquthni mengatakan dia dha'if. Selain itu teksnya juga jelas membayangkan kebencian dan permusuhan terhadap pemimpin Bani Umaiyah. Ingat! Jangan sekali-kali lupa kepada kata-kata Ibnu al-Qaiyyim, bahawa: وكل حديث في ذم بني أمية فهو كذب Bermaksud: Setiap hadits yang mencela Bani Umaiyah adalah dusta. Isnad hadits (4) mengandungi 'Abdul Waahid bin Naafi'. Imam ad-Daraquthni sendiri yang meriwayatkannya mengatakan isnad hadits ini dha'if. Riwayat sahih daripada Raafi' dan lain-lain (sahabat) adalah sebaliknya. 'Abdullah bin Rafi' tidak kuat (perawi dha'if). Tidak ada orang lain meriwayatkan hadits daripadanya selain 'Abdul Waahid bin Naafi'. Hadits ini tidak sahih, baik daripada Raafi' atau sahabat-sahabat yang lain. Ibnu Hibbaan berkata: "'Abdul Waahid bin Naafi' meriwayatkan hadits-hadits songsang daripada orang-orang Hijaz. Daripada orang-orang Syam pula ia meriwayatkan hadits-hadits maudhu'. Tidak halal menyebutkan haditsnya di dalam kitab kecuali dengan maksud menjelaskan kecacatan dan kejelikannya. Hadits (5) meskipun sahih, ia juga tidak jelas menunjukkan kelebihan bersembahyang 'Ashar lewat atau waktu 'Ashar baru masuk selepas bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Mulla 'Ali al-Qaari berkata: "Orang-orang yang dihadap cakap oleh Ummu Salamah itu bukan sahabat." Mereka sebenarnya ditegur oleh Ummu Salamah kerana menyalahi sunnah Nabi s.a.w. Demikian kata at-Thibi. Sementara Maulana Anwar Syah al-Kashmiri pula berkata: "Hadits ini samar (tidak jelas). Perbuatan Nabi s.a.w. melewati sembahyang 'Ashar yang mafhum daripadanya adalah nisbi. Mafhum nisbi seperti ini tidak boleh dijadikan sebagai penentu." **Berhubung dengan masalah waktu 'Ashar** bermula apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya - seperti yang dipegang Abu Hanifah dalam pendapatnya yang masyhur - Syeikh Zakariya kurang berpuas hati dengan dalil-dalil yang dikemukakan oleh al-'Aini dan lain-lain tokoh mazhab Hanafi. Kerana hampir kesemua yang sahih daripadanya tidak jelas. Beliau nampaknya lebih senang berpegang dengan arahan Saiyyidina 'Umar kepada para pegawainya melalui satu surat rasmi beliau. Di dalam surat itu Saiyyidina 'Umar menulis: صَلِّ الظُّهْرَ إِذَا كَانَ ظِلُّكَ مِثْلَكَ وَالْعَصْرَ إِذَا كَانَ ظِلُّكَ مِثْلَكَ Bermaksud: "Bersembahyanglah Zohor bila bayangmu menjadi sama panjang denganmu dan 'Ashar bila bayangmu menjadi satu kali lebih panjang daripadamu." Menurut Syeikh Zakariya, arahan Saiyyidina 'Umar itu diketahui umum sahabat. Mereka tidak menegur pun arahan 'Umar itu. Tidak mungkin mereka berdiam diri atas perkara sepeenting waktu sembahyang. Kalau kerana sehelai kain apabila 'Umar berkata: اسْمَعُوا وَأَطِيعُوا (dengar dan patuhlah kamu), mereka boleh menjawab: لَا نَسْمَعُ وَلَا نَطِيعُ (kami tidak akan dengar dan patuh), mana mungkin mereka berdiam diri atas kesalahan 'Umar tentang waktu sembahyang?! Sekiranya waktu Zohor habis ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya, niscaya arahan Saiyyidina 'Umar itu bererti menyuruh semua orang di zaman pemerintahannya bersembahyang Zohor di luar waktunya secara qadha'. Ini adalah suatu perkara yang tidak masuk 'aql sama sekali dilakukan oleh Saiyyidina 'Umar. (Lihat Taqirir Sahih Bukhari). **Penulis berpendapat, Syeikh Zakariya** telah tersasul dalam kenyataannya ini pada dua perkara: (1) Beliau mengatakan, صَلِّ الظُّهْرَ إِذَا كَانَ ظِلُّكَ Mِثْلَكَ itu sebagai kata-kata 'Umar dalam bentuk arahan beliau kepada para pegawainya. Padahal tidak ada pun apa yang dikatakan arahan 'Umar itu dengan lafaz tersebut. Ia sebenarnya merupakan satu hadits mauquf daripada Abi Hurairah. Malik dan 'Abdur Razzaaq meriwayatkannya di dalam kitab mereka masing-masing. Riwayat itu dengan isnad Malik adalah seperti berikut: مَالِكٌ عَنْ يَزِيدَ بْنِ زِيَادٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ رَافِعٍ مَوْلَى أُمِّ سَلَمَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ سَأَلَ أَبَا هُرَيْرَةَ عَنْ وَقْتِ الصَّلَاةِ فَقَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ أَنَا أَخْبَرُكَ صَلِّ الظُّهْرَ إِذَا كَانَ ظِلُّكَ مِثْلَكَ وَالْعَصْرَ إِذَا كَانَ ظِلُّكَ مِثْلَكَ وَالْمَغْرِبَ إِذَا غَرَبَتِ الشَّمْسُ وَالْعِشَاءَ مَا بَيْنَكَ وَبَيْنَ ثَلَاثِ اللَّيْلِ وَصَلِّ الصُّبْحَ بِغَيْشِ بَغْيِ الْغُلَسِ Bermaksud: 'Abdullah bin Raafi' maula Ummi Salamah, isteri Nabi s.a.w. meriwayatkan, bahawa beliau pernah bertanya Abu Hurairah tentang waktu sembahyang. Kata Abu Hurairah: "Saya akan ceritakan kepadamu. Bersembahyanglah Zohor bila bayangmu menjadi sama panjang denganmu dan 'Ashar bila bayangmu menjadi satu kali lebih panjang daripadamu. Maghrib bila matahari terbenam dan 'Isyaa' bila masuk waktunya hingga ke satu pertiga (awal) malam. Bersembahyanglah Subuh di awal waktunya, ketika masih lagi gelap."

Riwayat ini walaupun sahih, tetapi ia tidak jelas. Jawapan Abu Hurairah di dalam hadits ini sama sekali tidak boleh dipakai sebagai penentu permulaan atau penghujung sembahyang lima waktu. Ia dengan terang menunjukkan maksud Abu Hurairah ialah menyatakan waktu sembahyang yang afdhal. Daripada latar belakang pertanyaan 'Abdullah bin Raafi', Abu Hurairah kiranya telah memahami tujuan pertanyaannya. Tujuan pertanyaan 'Abdullah bin Raafi' yang difahami Abu Hurairah ialah tentang waktu sembahyang yang afdhal. Kerana itulah beliau menjawab begitu. Ini kerana semua orang tahu bahawa waktu Zohor bermula bila matahari tergelincir. Semua pihak sekata dalam masalah ini. Tidak ada siapa pun berpendapat waktu Zohor baru bermula bila bayang seseorang menjadi sama panjang dengannya. Maksud Abu Hurairah dengan jawapan yang diberinya itu ialah waktu afdhal untuk bersembahyang Zohor ialah sehingga bayang seseorang menjadi sama panjang dengannya. Waktu sembahyang 'Ashar yang afdhal pula ialah sehingga bayang seseorang menjadi satu kali lebih panjang daripadanya. Waktu sembahyang 'Isyaa' yang afdhal ialah bila masuk waktunya hingga ke satu per tiga (awal) malam dan waktu sembahyang Subuh yang afdhal pula ialah pada waktu ghabasy atau ghalas iaitu di permulaan terbitnya fajar shadiq, ketika masih lagi gelap-gelita. Sebagaimana jawapan Abu Hurairah itu tidak harus difahami sebagai penentu permulaan waktu sembahyang, tidak harus juga ia difahami sebagai penentu penghujung waktunya. Lantaran tidak ada siapa pun berpendapat waktu 'Ashar itu berakhir bila bayang seseorang menjadi satu kali lebih panjang daripadanya. Waktu 'Isyaa' berakhir bila berlalunya satu per tiga (awal) malam dan waktu Subuh pula habis bila habisnya waktu ghabasy atau ghalas itu. Lafaz arahan 'Umar kepada para pegawainya seperti yang dikemukakan oleh Syeikh Zakariya itu jika ada sekalipun, tidak harus dipakai dan mesti dianggap mungkar kerana bercanggah dengan arahan beliau kepada para pegawainya dan Abu Musa al-Asy'ari yang jelas sahih. Arahan itu pula terdapat di dalam sekian banyak kitab-kitab hadits yang sahih. Arahan Saiyyidina 'Umar kepada para pegawainya dan Abu Musa langsung tidak menyokong pendapat Abu Hanifah itu. Malah sebaliknya menyokong pendapat jumhur 'ulama'.

Lihatlah sebagai contohnya riwayat berikut ini: حَدَّثَنِي عَنْ مَالِكٍ عَنْ نَافِعٍ مَوْلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ كَتَبَ إِلَى عُمَّالِهِ إِذَا أَمَرَ أَمْرُكُمْ عِنْدِي الصَّلَاةَ فَمَنْ حَفِظَهَا وَخَافَظَ عَلَيْهَا حَفِظَ دِينَهُ وَمَنْ ضَيَّعَهَا فَهُوَ لِمَا سِوَاهَا أَضَيَّعَ ثُمَّ كَتَبَ أَنْ صَلُّوا الظُّهْرَ إِذَا كَانَ الْقَيُّمُ ذِرَاعًا إِلَى أَنْ يَكُونَ ظِلُّ أَحَدِكُمْ مِثْلَهُ وَالْعَصْرَ وَالشَّمْسُ مِنْ تَفْعَةٍ بَيْضَاءَ نَقِيَّةٍ قَدَرُ مَا يَسِيرُ الرَّكْبُ فَرَسَخَيْنِ أَوْ ثَلَاثَةَ قُلُوبٍ غُرُوبِ الشَّمْسِ وَالْمَغْرِبَ إِذَا غَرَبَتِ الشَّمْسُ وَالْعِشَاءَ إِذَا غَابَ الشَّفَقُ إِلَى ثَلَاثِ اللَّيْلِ فَمَنْ نَامَ فَلَا نَامَتْ عَيْنُهُ فَمَنْ نَامَ فَلَا نَامَتْ عَيْنُهُ وَالصُّبْحَ وَالنُّجُومَ بِأَدْنَى مُشْتَبِكَةٍ Bermaksud: Malik meriwayatkan daripada Nafi' maula (hamba bebasan) Abdullah bin 'Umar bahawa 'Umar bin al-Khatthaab menulis surat kepada para pegawainya: "Sesungguhnya tugas kamu yang terpenting di sisiku ialah sembahyang. Sesiapa yang menunaikannya dengan sebaik-baiknya dan menjaganya bererti dia telah menjaga agamanya. Dan sesiapa yang menyia-nyiakannya, dia akan lebih cuai terhadap perkara-perkara selainnya." Seterusnya beliau menulis bahawa: "Bersembahyanglah kamu Zohor ketika bayang (sesuatu sepanjang) sehasta (setelah tergelincir matahari) sehingga kepada bayang seseorang menjadi sama panjang dengannya. Dan 'Ashar ketika matahari masih tinggi, putih dan cerah bersih, sekira-kira (selepas mengerjakan sembahyang 'Ashar itu) orang yang menaiki unta masih boleh pergi sejauh perjalanan dua atau tiga farsakh (1 farsakh = 3 batu) sebelum matahari terbenam. Dan Maghrib bila matahari terbenam. 'Isyaa' bila hilang syafaq (merah) hingga ke satu per tiga (awal) malam. Barang siapa tidur (sebelum 'Isyaa'), semoga tidak tertidurlah (terlelaplah) matanya, barang siapa tidur, semoga tidak tertidurlah matanya, barang siapa tidur, semoga tidak tertidurlah matanya. Dan Subuh ketika mana bintang-bintang masih kelihatan terang terjalin." (Atsar riwayat Malik di dalam Muwattha'nya). Lebih jelas lagi dari itu arahan beliau kepada Abu Musa al-Asy'ari. Lihat teksnya ini: حَدَّثَنِي عَنْ مَالِكٍ عَنْ عَمِّهِ أَبِي سَهْلٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ كَتَبَ إِلَى أَبِي مُوسَى أَنْ صَلِّ الظُّهْرَ إِذَا زَاغَتِ الشَّمْسُ وَالْعَصْرَ وَالشَّمْسُ بَيْضَاءَ نَقِيَّةٍ قَبْلَ أَنْ يَدْخُلَهَا صُفْرَةٌ وَالْمَغْرِبَ إِذَا غَرَبَتِ الشَّمْسُ وَأَخَّرَ الْعِشَاءَ مَا لَمْ تَنْمَ وَأَفْرَأَ فِيهَا بِسُورَتَيْنِ طَوِيلَتَيْنِ مِنَ الْمُفَصَّلِ Bermaksud: Malik meriwayatkan daripada pakciknya Abu Suhail bin Malik, beliau meriwayatkan daripada ayahnya bahawa 'Umar bin al-Khatthaab pernah menulis surat kepada Abu Musa al-Asy'ari. (Di dalam surat itu tersebut)

Bahawa sesungguhnya bersembahyanglah engkau Zohor apabila matahari telah tergelincir. 'Ashar ketika mana matahari masih putih bersih, belum lagi kekuningan. Maghrib apabila matahari terbenam. Lewatkanlah bersembahyang 'Isyaa' selagi engkau belum tidur. Dan bersembahyanglah Subuh ketika mana bintang-bintang masih kelihatan terang terjalin (masih banyak kelihatan). Bacalah dalam sembahyang Subuh itu (selepas surah al-Fatihah dalam kedua-dua raka'atnya) dua surah Mufassshal yang panjang." (Atsar riwayat Malik di dalam Muwattha'nya). (2) Jawapan sahabat kepada 'Umar: لا نسمع ولا نطيع (kami tidak akan dengar dan patuh) apabila 'Umar berkata: اسمعوا وأطيعوا (dengar dan patuhlah kamu) kepada mereka kerana sehelai kain sahaja, telah dijadikan asas oleh Syekh Zakariya untuk kebenaran arahan 'Umar supaya bersembahyang 'Ashar bila bayang seseorang menjadi satu kali lebih panjang daripadanya. Lalu disimpulkan daripadanya permulaan waktu 'Ashar. Padahal cerita itu sendiri tidak berasas. Bagaimana mereka akan membantah dan menegur Saiyyidina 'Umar, beliau tidak pernah pun mengeluarkan arahan seperti itu? Kisah yang diisytarkan oleh Maulana Zakariya itu ada beberapa versinya dan ia terdapat di dalam beberapa buah kitab. Antaranya ialah kitab Shifatu as-Shafwah, karangan Abu al-Faraj Ibnu al-Jauzi. Teks sepenuhnya daripada kitab tersebut adalah seperti berikut: وعن أبي حاتم عن العتبي قال بعث إلي عمر بحلل فقصمها فأصاب كل رجل ثوب ثم صعد المنبر وعليه حلة والحلة ثوبان فقال أيها الناس ألا تسمعون فقال سلمان لا نسمع فقال عمر لم يا أبا عبد الله قال إنك قسمت علينا ثوبا ثوبا وعليك حلة فقال لا تعجل يا أبا عبد الله ثم نادى يا عبد الله فلم يجبه أحد فقال يا عبد الله بن عمر فقال لبيك يا أمير المؤمنين فقال نشدتك الله Bermaksud: Abu Haatim meriwayatkan daripada al-'Utbi, katanya: Pernah dikirim kepada 'Umar banyak helai kain. 'Umar membahagi-bahagikannya (kepada orang ramai). Setiap orang mendapat sehelai kain. Kemudian 'Umar naik ke atas mimbar dengan memakai hullah (sepasang pakaian). Hullah ialah sepasang pakaian. Kata beliau: "Wahai manusia, tak mahukah kamu mendengar?" Salman lantas menjawab: "Kami tidak akan mendengar." Tanya 'Umar: "Kenapa wahai Aba 'Abdillah?" Jawab Salman: "Kerana kamu telah membahagi-bahagikan kepada (setiap orang daripada) kami hanya sehelai kain sahaja. Sedangkan kamu pula memakai sepasang pakaian (yang lengkap)." Mendengar kata-kata Salman itu 'Umar berkata: Janganlah cepat (membuat keputusan begitu) wahai Aba 'Abdillah. Kemudian 'Umar memanggil: "Wahai 'Abdullah!" Tidak ada sesiapa pun menyahut panggilan beliau itu. Beliau memanggil pula: "Wahai 'Abdullah bin 'Umar!" Maka menyahutlah 'Abdullah: "Ya saya, wahai Amirul mu'minin!" Terus 'Umar bertanya: "Saya hendak bertanya kamu dengan nama Allah, kain yang aku pakai ini adakah kainmu?" Jawab 'Abdullah: "Ya benar, kain saya." Maka kata Salman: "Kalau begitu, katalah. Sekarang baru kami akan mendengar." Sebelum ini penulis telah katakan bahawa cerita ini langsung tidak berasas. Kenapa? Kerana ia diceritakan oleh al-'Utbi (Muhammad bin 'Ubaidillah bin 'Amar al-Bahsi m.228H). Boleh dikatakan dia paksi kepada cerita ini. Bagaimana beliau dapat menceritakan kisah yang telah berlaku lebih seratus tahun sebelum kelahirannya? Dia pula hanya seorang penya'ir, ahli cerita dan kaki arak. (Lihat Ibnu Khallikan-Wafayat al-A'yaan j.4 m/s398). Salman, seorang sahabat besar Nabi s.a.w. digambarkan begitu biadab di dalam kisah ini. **Bagi penulis, dalil paling kuat dan paling sahih yang telah dikemukakan oleh Ahnaaf ('ulama'-'ulama' dalam mazhab Hanafi) untuk menyokong pendapat imam mereka dalam bab ini ialah hadits-hadits berikut:** (1) Rasulullah s.a.w. bersabda: إذا اشتد الحر فأبردوا عن الصلاة فإن شدة الحر من فئح جهنم Bermaksud: "Apabila kuat sangat panas maka kerjakanlah sembahyang setelah agak sejuk, kerana panas yang kuat itu berpunca daripada hembusan neraka Jahannam." (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Malik, Syafi'e, Ahmad, Nasaa'i, Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan dan lain-lain). (2) Abu Zarr al-Ghifari meriwayatkan, katanya: عن أبي ذر الغفاري قال كنا مع النبي صلى الله عليه وسلم في سفر فأراد المؤذن أن يؤذن للظهر فقال النبي صلى الله عليه وسلم أبرد ثم أراد أن يؤذن فقال له أبرد حتى رأينا فيء الثلول فقال النبي صلى الله عليه وسلم إن شدة الحر من فئح جهنم فإذا اشتد الحر فأبردوا بالصلاة Bermaksud: "Pernah kami bersama Nabi s.a.w. dalam satu perjalanan. Mu'azzin hendak melaungkan azan untuk sembahyang Zohor, tetapi Nabi s.a.w. berkata: "Tunggulah sehingga agak sejuk!". Selepas beberapa ketika, mu'azzin tersebut hendak

743

Malik, Ahmad dan Tirmizi). Hadits ini menunjukkan tempoh waktu 'Ashar lebih pendek daripada waktu Zohor. Jika anda berkata waktu 'Ashar bermula apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya, niscaya waktu 'Ashar akan jadi lebih panjang daripada waktu Zohor atau lebih kurang sama panjang dengannya. Kalau begitu tidak ada lagi keistimewaan Ahli al-Qur'an (umat Islam) berbanding Ahli Injil (umat Nashara). Kerana kerja dan tempoh kerja mereka lebih kurang sama saja. Kecualilah kalau anda mengatakan waktu 'Ashar baru masuk apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya seperti kata Abu Hanifah. Inilah alasan yang diberikan oleh Imam Muhammad bin al-Hasan asy-Syaibaani di dalam Muwattha'nya untuk mewajarkan pendapat gurunya Abu Hanifah. Walaupun empat dalil yang dikemukakan di atas paling kuat dan paling sahih, namun kesemuanya tidak lebih daripada isyarat nas (إشارة النص). Tidak ada satu pun daripadanya berupa ibarat nas (عبارة النص). Berbeza dengan pendapat jumhur 'ulama' yang mengatakan waktu 'Ashar masuk selepas bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Kerana dalilnya berupa ibarat nas (عبارة النص). Sesuatu yang difaham daripada isyarat nas tidak sama tarafnya dengan sesuatu yang difaham daripada ibarat nas. Demikianlah kata 'ulama' Ushul. Beberapa atsar sahabat juga telah dijadikan dalil oleh Ahnaaf untuk menguatkan pendapat yang masyhur daripada imam mereka. Antaranya ialah tiga riwayat yang dikemukakan oleh Ibnu Abi Syaibah ini: (1) حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنْ ابْنِ عُزَيْنٍ عَنْ أَبِي غَاصِمٍ عَنْ أَبِي عَزْنٍ أَنَّ عَلِيًّا كَانَ يُؤَخِّرُ الْعَصْرَ حَتَّى تَرْتَفِعَ (1) Bermaksud: Sesungguhnya 'Ali selalu melewati sembahyang 'Ashar sehingga (sinar) matahari naik ke atas dinding-dinding (tembok-tembok). (2) حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنْ عَلِيِّ بْنِ صَالِحٍ وَإِسْرَائِيلَ Bermaksud: 'Abdullah (bin Mas'ud) selalu melewati sembahyang 'Ashar. (3) حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنْ عُمَرَ بْنِ مُتَيْبٍ عَنْ سَوَّارِ بْنِ شَيْبٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّكَ كَانَ يُؤَخِّرُ Bermaksud: Sawwaar bin Syabib meriwayatkan, bahawa Abu Hurairah selalu melewati (sembahyang) 'Ashar sehingga saya berkata: "Matahari telah betul-betul kuning." Ketiga-tiga atsar ini sahih, tetapi masih tidak jelas sama ada para sahabat itu melewati sembahyang 'Ashar kerana menganggap memang lebih afdhal bersembahyang 'Ashar lewat atau mereka percaya waktu 'Ashar baru masuk setelah bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya atau mereka melewati sembahyang 'Ashar itu kerana sebab-sebab lain. **Antara alasan jumhur 'ulama'** dalam masalah ini ialah hadits-hadits yang dikemukakan oleh Bukhari dibawah bab di atas. Zahir kesemuanya menunjukkan Nabi s.a.w. selalunya bersembahyang 'Ashar di awal waktu, selepas bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Selain itu hadits Nabi s.a.w. dan atsar 'Umar berikut ini juga dijadikan jumhur 'ulama' sebagai pegangan dan sandaran mereka: (1) Hadits waktu 'Ashar masuk apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Hadits ini dikenali di kalangan 'ulama' hadits sebagai حَدَّثَنَا هُذَّافُ بْنُ السَّرِيِّ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ أَبِي الزِّنَادِ (حديث المثل). Lihat teks hadits itu bersama terjemahannya ini: عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الْحَارِثِ بْنِ عَاصِمٍ عَنْ أَبِي رَيْبَعَةَ عَنْ حَكِيمِ بْنِ حَكِيمٍ وَهُوَ ابْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ حَنْظَلَةَ أَخْبَرَنِي نَافِعُ بْنُ جُبَيْرٍ بْنُ مُطْعِمٍ قَالَ أَخْبَرَنِي ابْنُ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَمَّنِي جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ عِنْدَ النَّبِيِّ مَرَّتَيْنِ فَصَلَّى الظُّهْرَ فِي الْأُولَى مِنْهُمَا حِينَ كَانَ الْفَيْءُ مِثْلَ الشَّرَاكِ ثُمَّ صَلَّى الْعَصْرَ حِينَ كَانَ كُلُّ شَيْءٍ مِثْلَ ظِلِّهِ ثُمَّ صَلَّى الْمَغْرِبَ حِينَ وَجَبَتْ الشَّمْسُ وَأَفْطَرَ الصَّائِمُ ثُمَّ صَلَّى الْعِشَاءَ حِينَ غَابَ الشَّفَقُ ثُمَّ صَلَّى الْفَجْرَ حِينَ بَرَقَ الْفَجْرُ وَحَرَّمَ الطَّعَامَ عَلَى الصَّائِمِ وَصَلَّى الْمَرْءُ الثَّانِيَةَ الظُّهْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّ كُلِّ شَيْءٍ مِثْلَهُ لَوْفَتْ الْعَصْرَ بِالْأَمْسِ ثُمَّ صَلَّى الْعَصْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّ كُلِّ شَيْءٍ مِثْلَهُ ثُمَّ صَلَّى الْمَغْرِبَ لَوْفَتْهُ الْأَوَّلُ ثُمَّ صَلَّى الْعِشَاءَ الْآخِرَةَ حِينَ ذَهَبَ ثُلُثُ اللَّيْلِ ثُمَّ صَلَّى الصُّبْحَ حِينَ أَصْفَرَتِ الْأَرْضُ ثُمَّ التَّقَى إِلَى جِبْرِيلَ فَقَالَ يَا مُحَمَّدُ هَذَا وَقْتُ الْأَنْبِيَاءِ مِنْ قَبْلِكَ وَالْوَقْتُ فِيمَا بَيْنَ هَذَيْنِ الْوَقَّتَيْنِ Bermaksud: "Sesungguhnya Nabi s.a.w. bersabda: "Jibril a.s. telah mengimamiku dekat Baitillah dua kali. Beliau bersembahyang Zohor pada kali pertama (hari pertama) ketika bayang (sesuatu) seperti tali kasut (lebar). Kemudian bersembahyang 'Ashar ketika sesuatu menjadi sama panjang dengan bayangnya. Kemudian bersembahyang Maghrib ketika matahari terbenam dan orang yang berpuasa berbuka. Kemudian bersembahyang 'Isyaa' ketika lenyap syafaq. Kemudian bersembahyang Subuh ketika fajar mulai menyingsing dan orang yang hendak berpuasa mulai haram makan. Pada kali kedua (hari kedua) beliau bersembahyang Zohor ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya iaitu pada waktu masuk 'Ashar hari semalamnya. Kemudian bersembahyang 'Ashar ketika bayang sesuatu menjadi satu kali lebih panjang daripadanya.

Kemudian bersembahyang Maghrib pada waktu hari sebelumnya. Kemudian bersembahyang 'Isyaa' ketika telah berlalu sepertiga (awal) malam. Kemudian bersembahyang Subuh pada waktu cerah tanah. Kemudian Jibril berpaling kepadaku lalu berkata: "Wahai Muhammad, inilah waktu (sembahyang) para nabi sebelummu. Waktu sembahyang (yang lima itu) adalah di antara dua waktu (semalam dan hari) ini." (Hadits riwayat Tirmizi dengan lafaz dan isnadnya. Tirmizi telah menghukum hadits ini sebagai hasan sahih. Selain Tirmizi, Ahmad, Abu Daud, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Abi Syaibah, Syafi'e, Baihaqi, Thahaawi, 'Abdur Razzaaq, Sa'id bin Manshur, at-Thabaraani, al-Haakim dan lain-lain juga turut meriwayatkannya). Perhatikan betul-betul hadits ini, terutamanya bahagian yang bergaris di bawahnya. Ia dengan jelas menunjukkan permulaan waktu 'Ashar. (2) حَدَّثَنِي عَنْ مَالِكٍ عَنْ نَافِعٍ مَوْلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ كَتَبَ إِلَى غَمَّالِهِ إِنَّ أَمْرَكُمْ عِنْدِي الصَّلَاةُ (2) فَمَنْ خَفِظَهَا وَحَافِظَ عَلَيْهَا حَفِظَ دِينَهُ وَمَنْ ضَيَّعَهَا فَهُوَ لِمَا سِوَاهَا أَضَيَّعَ ثُمَّ كَتَبَ أَنْ صَلُّوا الظُّهْرَ إِذَا كَانَ الْفَيْءُ ذِرَاعًا إِلَى أَنْ يَكُونَ ظِلُّ أَحَدِكُمْ مِثْلَهُ وَالْعَصْرُ وَالشَّمْسُ مِنْ تَفْعَةٍ بَيْنَ صَافٍ قَدَرِ مَا يَسِيرُ الرَّايِبُ فَرَسَخَيْنِ أَوْ ثَلَاثَةَ قَبْلِ غُرُوبِ الشَّمْسِ وَالْمَغْرِبُ إِذَا غَرَبَتِ الشَّمْسُ وَالْعِشَاءُ إِذَا غَابَتِ الشَّمْسُ إِلَى ثَلَاثِ اللَّيْلِ فَمَنْ نَامَ فَلَا نَامَتْ عَيْنُهُ فَمَنْ نَامَ فَلَا نَامَتْ عَيْنُهُ وَالصُّبْحُ وَالنَّجْمُ بِأَدْبِهِ مُشْتَبِكَةٌ Bermaksud: Malik meriwayatkan daripada Nafi' maula (hamba bebasan) Abdullah bin 'Umar bahawa 'Umar bin al-Khatthaab menulis surat kepada para pegawainya: "Sesungguhnya tugas kamu yang terpenting di sisiku ialah sembahyang. Sesiapa yang menunaikannya dengan sebaik-baiknya dan menjaganya bererti dia telah menjaga agamanya. Dan sesiapa yang menyia-nyiakannya, dia akan lebih cuai terhadap perkara-perkara selainnya." Seterusnya beliau menulis bahawa: "Bersembahyanglah kamu Zohor ketika bayang (sesuatu sepanjang) sehasta (setelah tergelincir matahari) sehingga kepada bayang seseorang menjadi sama panjang dengannya. Dan 'Ashar ketika matahari masih tinggi, putih dan cerah bersih, sekira-kira (selepas mengerjakan sembahyang 'Ashar itu) orang yang menaiki unta masih boleh pergi sejauh perjalanan dua atau tiga farsakh (1 farsakh = 8 km) sebelum matahari terbenam. Dan Maghrib bila matahari terbenam. 'Isyaa' bila hilang syafaq (merah) hingga ke satu per tiga (awal) malam. Barang siapa tidur (sebelum 'Isyaa'), semoga tidak tertidurlah (terlelaph) matanya, barang siapa tidur, semoga tidak tertidurlah matanya, barang siapa tidur, semoga tidak tertidurlah matanya. Dan Subuh ketika mana bintang-bintang masih kelihatan terang terjalin." (Atsar riwayat Malik di dalam Muwattha'nya. Atsar ini diriwayatkan juga oleh al-Baihaqi dan 'Abdur Razzaaq). Perhatikan terutamanya bahagian yang bergaris di bawahnya di dalam atsar di atas. Perjalanan sejauh 3 farsakh atau 24 km dengan unta hanya dapat direntasi selepas 'Ashar sebelum terbenam matahari, jika seseorang itu terus berjalan sebaik saja selesai mengerjakan sembahyang 'Ashar betul-betul di awal waktunya, iaitu selepas bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Ia tidak dapat direntasi sebelum terbenam matahari jika perjalanan dimulakan selepas bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Jelas sekali daripada keterangan di atas, dalil-dalil yang dikemukakan bagi pihak Imam Abu Hanifah dan orang-orang yang sependapat dengannya tidak dapat menandingi dalil-dalil yang dipegang jumhur 'ulama' berupa hadits-hadits sahih dan sharih (terang ma'nanya). Syekhul Islam pertama Pakistan, guru kepada guru penulis, Maulana Syabbir Ahmad 'Utsmani cuba mengambil jalan tengah apabila beliau berkata: والاحتياط أن لا يؤخر الظهر إلى المثل وأن لا يصلي العصر حتى يبلغ المثلين ليكون مؤديا للصوتين في وقتها بالإجماع Bermaksud: "Sebagai langkah bercermat, janganlah seseorang itu melewati sembahyang Zohor sehingga bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Dan janganlah juga dia bersembahyang 'Ashar sebelum bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Supaya dengan itu dia bersembahyang pada waktu kedua-dua sembahyang tersebut yang diijma'kan." (Lihat Fathul Mulhim Syarah Sahih Muslim). Penulis berpendapat, memanglah kebiasaan Nabi s.a.w. bersembahyang 'Ashar di awal waktunya. Kira-kiranya bayang sesuatu pada ketika itu sama panjang dengannya. Tetapi bukankah terdapat banyak juga riwayat yang menyebutkan bahawa setelah selesai bersembahyang 'Ashar bersama Baginda s.a.w., ada sahabat yang pulang ke rumahnya yang terletak di penghujung Madinah, yang lebih dikenali sebagai al-'Awaali itu mendapati orang-orang (para sahabat) di sana sedang bersembahyang 'Ashar? Pada ketika itu

٥١١ - حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ الْمُنْذِرِ قَالَ حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ عِيَاضٍ عَنْ هِشَامٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ عَائِشَةَ قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي الْعَصْرَ وَالشَّمْسُ لَمْ تَخْرُجْ مِنْ حُجْرَتِهَا. وَقَالَ أَبُو أُسَامَةَ عَنْ هِشَامٍ مِنْ قَعْرِ حُجْرَتِهَا

511- Ibrahim bin al-Munzir (al-Hazaami) meriwayatkan kepada kami, katanya: Anas bin 'Iyadh (Abu Dhamrah al-Laitsi al-Madani) meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam (bin 'Urwah) daripada ayahnya ('Urwah bin az-Zubair), bahawa 'Aaisyah berkata: "Rasulullah s.a.w. selalu bersembahyang 'Ashar ketika (sinar) matahari⁹⁴² belum lagi keluar dari (permukaan) bahagian dalam rumahnya⁹⁴³ yang tidak berbumbung."⁹⁴⁴ Kata

mereka baru bersembahyang 'Ashar. Sebagai contohnya lihat saja riwayat 515 yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini. Jaraknya al-'Awaali itu dari Madinah, ada dua batu, ada lima batu dan ada juga sampai enam atau lapan batu. Kira-kiranya pada ketika itu bayang sesuatu tentulah sudah menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Rasulullah s.a.w. mengetahui perbuatan mereka itu. Namun tidak ada pun teguran Baginda s.a.w. terhadap mereka. Semua ini menunjukkan waktu itu juga termasuk waktu bersembahyang 'Ashar yang mustahab dan afdhal, terutamanya bagi orang-orang yang perlu menyelesaikan urusannya lewat sedikit. Penduduk al-'Awaali itu pada umumnya terdiri daripada kalangan petani dan pekebun. Mungkin sekali mereka bersembahyang 'Ashar lewat sedikit daripada di masjid Nabi s.a.w. untuk menyelesaikan sebahagian daripada kerja mereka di ladang. Kesimpulannya bersembahyang 'Ashar di awal waktu iaitu ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya adalah lebih afdhal dan merupakan sunnah Nabi s.a.w. Bersembahyang 'Ashar lewat sedikit, ketika matahari masih putih, cerah dan bersinar-sinar dan bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya juga dikira bersembahyang pada waktunya yang mustahab dan mukhtar (terpilih). Para sahabat di kawasan al-'Awaali umumnya bersembahyang pada waktu tersebut. Perbuatan mereka melewati sedikit sembahyang 'Ashar, diketahui Rasulullah s.a.w. Namun tidak pula diketahui ada Baginda s.a.w. menegur perbuatan mereka itu. Secara tidak langsung ia merupakan taqirir (pengesahan) Rasulullah s.a.w. terhadap perbuatan seperti itu.

⁹⁴² Maksud matahari di sini ialah sinarnya. Begitu juga di dalam riwayat 511 yang lalu dan riwayat 513 nanti. Penggunaan bahasa seperti ini termasuk dalam qaedah الحذف , di mana dibuang sesuatu yang sepatutnya ada sebelum atau selepas sesuatu perkataan, seperti perkataan sinar sebelum perkataan matahari di sini. Antara contoh lain yang sering dibentangkan di dalam kitab-kitab ilmu Balaghah ialah sya'ir Ibnu al-'Amid berikut:

قَامَتْ تُظِلُّنِي مِنَ الشَّمْسِ ۞ نَفْسٌ أَعْرُ عَلَيَّ مِنْ نَفْسِي
قَامَتْ تُظِلُّنِي وَمِنْ عَجَبٍ ۞ شَمْسٌ تُظِلُّنِي مِنَ الشَّمْسِ

Bermaksud: Berdiri menaungiku daripada (sinar) matahari, orang yang cintaku kepadanya melebihi cintaku kepada diri sendiri. Dia berdiri menaungiku. Oh, sungguh aneh! Matahari menaungiku daripada (sinar) matahari!!

⁹⁴³ "rumahnya". Demikianlah tersebut di dalam riwayat 511 dan 512. Maksud sebenarnya ialah rumahku, seperti yang tersebut di dalam riwayat 513 nanti. Sebabnya ialah orang yang bercerita adalah orang yang sama iaitu 'Aaisyah Ummu al-Mu'minin r.a. Dilihat dari sudut ilmu Nahu, penggunaan itu semacam salah. Kenapa beliau tidak berkata "rumahku" saja seperti yang tersebut di dalam riwayat 513? Hafiz Ibnu Hajar berkata: "Di situ ada semacam iltifaat." Hafiz al-'Aini tidak bersetuju dengan pandangan Hafiz Ibnu Hajar. Kata beliau, itu bukan iltifaat, tetapi tajrid namanya. 'Aaisyah seolah-olahnya menggambarkan salah seorang isteri Rasulullah s.a.w. dan mengaitkan sebuah rumah dengannya. Lalu menceritakan Nabi s.a.w. selalu bersembahyang 'Ashar ketika (sinar) matahari belum lagi keluar dari (permukaan) bahagian dalam rumahnya

yang tidak berbumbung.” Itifaat dan tajrid adalah dua istilah ilmu Balaghah. Penggunaan perkataan “rumahnya” di dalam ayat di atas, mungkin dianggap salah menurut qaedah ilmu Nahu. Tetapi ia tidak salah menurut qaedah ilmu Balaghah.

⁹⁴⁴ Hafiz Ibnu Hajar mengatakan perkataan حجره di sini dipakai dengan erti rumah, bukan dengan erti bilik. Sementara Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri di dalam al-'Arfu asy-Syazi menjelaskan البناء المسقف adalah (binaan yang berbumbung). حجره pula adalah بناء غير مسقف (binaan yang tidak berbumbung). Demikian juga kata as-Samhudi di dalam kitabnya الوفا بأخبار دور المصطفى. Jadi perkataan حجره yang tersebut di dalam hadits 'Aaisyah di atas semestinya difahami sebagai halaman yang tidak berbumbung di bahagian dalam rumah. Di halaman itulah penghuni rumah, terutamanya dari kalangan wanita tidur di musim panas berbumbungkan langit. Di halaman itu juga mereka berjemur panas di musim sejuk. Di sekitar halaman itu biasanya terdapat dapur tempat memasak, tempat mengeringkan pakaian, ruang mandi dan tempat membuang air kecil. Sinar matahari mencecah lantai atau permukaan laman itu pada waktu siang. Kata 'Aaisyah, sehingga ke permulaan waktu 'Ashar, ketika mana Rasulullah s.a.w. bersembahyang 'Ashar, sinar matahari masih tidak keluar dan tersingkap dari permukaan laman itu. Keadaan ini menunjukkan dengan jelas bahawa kebiasaan Rasulullah s.a.w. adalah bersembahyang 'Ashar di awal waktunya. Antara bukti yang menyokong pendapat Maulana Anwar Shah Kashmiri tentang erti perkataan حجره ialah ruang dalam rumah yang tidak berbumbung dan ia lebih umum daripada erti perkataan بيت (ruang di dalam rumah yang berbumbung), ia juga bukan dengan erti bilik yang lebih khusus daripada erti perkataan بيت ialah hadits riwayat Abu Daud ini: حَدَّثَنَا ابْنُ الْمُثَنَّى أَنَّ عَمْرَو بْنَ غَاصِمٍ حَدَّثَهُمْ قَالَ حَدَّثَنَا هَمَامٌ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ مُوَرِّقٍ عَنْ أَبِي الْأَخْوَصِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ صَلَاةُ الْمَرْأَةِ فِي بَيْتِهَا أَفْضَلُ مِنْ صَلَاتِهَا فِي حُجْرَتِهَا وَصَلَاتُهَا فِي مَخْدَعِهَا أَفْضَلُ مِنْ صَلَاتِهَا فِي بَيْتِهَا Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sembahyang orang perempuan di baitnya (ruang rumahnya yang berbumbung) lebih afdhal daripada sembahyangnya di hujrahnya (ruang rumahnya yang tidak berbumbung). Sembahyangnya di dalam makhda'nya (di dalam biliknya) lebih afdhal lagi daripada sembahyangnya di baitnya (ruang rumahnya yang berbumbung). Selain Abu Daud, hadits ini diriwayatkan juga oleh al-Baihaqi, Ibnu Khuzaimah, al-Bazzaar, al-Haakim dan lain-lain. Jelas berdasarkan hadits ini hujrah adalah ruang di dalam rumah yang lebih terbuka berbanding bait. Hadits ini tidak menggunakan perkataan hujrah untuk memberi erti bilik, sebaliknya menggunakan perkataan makhda' untuk memberi erti itu. Untuk mewajarkan pendapat Imam Abu Hanifah yang masyhur, Imam Thahaawi menta'wil hadits 'Aaisyah di atas dengan berkata, sebabnya sinar matahari masih tidak keluar dan tersingkap dari permukaan laman bahagian dalam rumah 'Aaisyah itu ialah kerana dinding rumah beliau rendah saja. Halaman di bahagian dalam rumahnya pula agak luas. Itu sama sekali tidak menunjukkan Rasulullah s.a.w. bersembahyang 'Ashar di awal waktunya, ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Malah sebaliknya menunjukkan Baginda s.a.w. bersembahyang 'Ashar lewat. Dalam keadaan dinding rumah rendah, sinar matahari masih boleh berada di halaman bahagian dalam rumah yang luas, walaupun ketika bayang sesuatu telah menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Keterangan 'Aaisyah di dalam hadits di atas tidak difahami Imam Thahaawi sebagai bukti cepat dan awalnya Rasulullah s.a.w. bersembahyang 'Ashar, malah sebaliknya membuktikan lewatnya Baginda s.a.w. bersembahyang 'Ashar. Sesetengah 'ulama' Hanafi bahkan menta'wilkan hadits Aaisyah itu dengan berkata, حجره 'Aaisyah seharusnya dipakai dengan erti rumahnya seperti kata Hafiz Ibnu Hajar. Kalau yang dikatakan rumah itu ialah binaan yang lengkap berbumbung, bagaimana sinar matahari akan masuk ke dalamnya? Semestinya keterangan 'Aaisyah itu difahami bahawa sinar matahari masuk menerusi pintu rumahnya yang menghala ke barat menghadapi matahari. Oh, Kalau begitu keterangan 'Aaisyah lebih menunjukkan Rasulullah s.a.w. biasanya bersembahyang 'Ashar sangat lewat, berbanding bersembahyang 'Ashar terlalu cepat di awal waktunya! Cara ta'wilan seperti inilah yang dikatakan 'ulama' sebagai توجيه الكلام بما لا يرضى به قائله (memasang ma'na percakapan seseorang sesuka hati atau menyimpulkan daripada

Abu Usaamah (dalam riwayatnya) daripada Hisyaam, “dari (permukaan) laman bahagian dalam rumahnya yang tidak berbumbung.”⁹⁴⁵

٥١٢ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى الْعَصْرَ وَالشَّمْسُ فِي حُجْرَتِهَا لَمْ يَظْهَرْ الْفَيْءُ مِنْ حُجْرَتِهَا

512- Qutaibah meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada Ibn Syihaab daripada 'Urwah daripada 'Aaisyah, bahawa Rasulullah s.a.w. bersembahyang 'Ashar ketika (sinar) matahari masih ada di dalam rumahnya, masih belum naik bayang dari (permukaan) laman di bahagian dalam rumahnya (ke dinding di sebelah timur rumahnya).

٥١٣ - حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ قَالَ أَخْبَرَنَا ابْنُ عُيَيْنَةَ عَنْ الزُّهْرِيِّ عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي صَلَاةَ الْعَصْرِ وَالشَّمْسُ طَالِعَةً فِي حُجْرَتِي لَمْ يَظْهَرْ الْفَيْءُ بَعْدَ وَقَالَ مَالِكٌ وَيَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ وَشُعَيْبُ بْنُ أَبِي حَفْصَةَ وَالشَّمْسُ قَبْلَ أَنْ تَظْهَرَ

513- Abu Nu'aim (al-Fadhl bin Dukain) meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu 'Uyainah meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri daripada 'Urwah daripada 'Aaisyah, katanya: “Nabi s.a.w. selalu bersembahyang 'Ashar ketika (sinar) matahari masih lagi kelihatan di bahagian dalam rumahku yang tidak berbumbung. Bayang sesuatu (seperti dinding rumah dan sebagainya) belum lagi naik. Malik, Yahya bin Sa'id (al-

percakapan seseorang sesuatu yang tidak dimaksudkannya). Bukalah kitab hadits mana sekalipun, semuanya mengemukakan hadits 'Aaisyah ini sebagai bukti kebiasaan Rasulullah s.a.w. bersembahyang 'Ashar di awal waktunya. Imam Tirmizi, Nasaa'i, Baihaqi dan lain-lain, semuanya memasukkan hadits 'Aaisyah ini di bawah bab تعجيل العصر (menyegerakan sembahyang 'Ashar). Itu juga sebenarnya tujuan Bukhari mengemukakan hadits 'Aaisyah tersebut di sini.

⁹⁴⁵ Ta'liq ini berdasarkan riwayat (nuskah) Abi Zarr, Karimah dan lain-lain terletak selepas tajuk bab sebelum hadits no:511. Kata Hafiz Ibnu Hajar, ta'liq ini sebetulnya terletak selepas hadits 511 yang maushul itu, bukan sebelumnya. Bukhari biasanya melakukan begitu. Al-Qasthallaani pula berkata, ta'liq ini gugur dari riwayat al-Ashili, al-Kusymayhani dan Ibnu 'Asaakir. Itulah yang sepatutnya. Ibnu Rajab pula berkata, di dalam sesetengah nuskah, ta'liq ini terletak selepas hadits 511. Inilah yang lebih baik. Sebab itu penulis meletakkannya selepas hadits 511, bukan sebelumnya. Maksud Bukhari mengemukakan ta'liq ini ialah untuk menyatakan bahawa Anas bin 'Iyaadh iaitu Abu Dhamrah al-Laitsi dan Abu Usaamah, kedua-dua mereka telah meriwayatkan hadits ini daripada Hisyam daripada ayahnya 'Urwah daripada 'Aaisyah. Cuma Abu Usaamah menambahkan dalam riwayatnya perkataan فَر. Dengan adanya tambahan perkataan فَر di dalam riwayat ta'liq daripada Abu Usaamah itu, hadits ini lebih menunjukkan Rasulullah s.a.w. bersembahyang 'Ashar di awal waktunya berbanding riwayat tanpa perkataan itu. Al-Isma'ili mewashalkan riwayat Abu Usaamah berkenaan di dalam Mustakhrajnya, tetapi dengan lafaz والشمس واقعة في حجرتي (ketika matahari masih lagi berada di dalam rumahku).

Anshaari), Syu'aib (bin Abi Hamzah) dan Ibnu Abi Hafshah (Muhammad bin Maisarah al-Bashri) meriwayatkan (dengan lafaz): وَالشَّمْسُ قَبْلَ أَنْ تَظْهَرَ (ketika matahari belum lagi naik).⁹⁴⁶

٥١٤ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مُقَاتِلٍ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ قَالَ أَخْبَرَنَا عَوْفٌ عَنْ سَيَّارِ بْنِ سَلَامَةَ قَالَ دَخَلْتُ أَنَا وَأَبِي عَلَى أَبِي بَرْزَةَ الْأَسْلَمِيِّ فَقَالَ لَهُ أَبِي كَيْفَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي الْمَكْتُوبَةَ فَقَالَ كَانَ يُصَلِّي الْحُجَيْرَ الَّتِي تَدْعُونَهَا الْأُولَى حِينَ تَدْخُضُ الشَّمْسُ وَيُصَلِّي الْعَصْرَ ثُمَّ يَرْجِعُ أَحَدُنَا إِلَى رَحْلِهِ فِي أَقْصَى الْمَدِينَةِ وَالشَّمْسُ حَيَّةٌ وَنَسِيتُ مَا قَالَ فِي الْمَغْرِبِ وَكَانَ يَسْتَحِبُّ أَنْ يُؤَخَّرَ الْعِشَاءَ الَّتِي تَدْعُونَهَا الْعَتَمَةَ وَكَانَ يَكْرَهُ النَّوْمَ قَبْلَهَا وَالْحَدِيثَ بَعْدَهَا وَكَانَ يَنْقُتِلُ مِنْ صَلَاةِ الْغَدَاةِ حِينَ يَعْرِفُ الرَّجُلُ جَلِيسَهُ وَيَقْرَأُ بِالسُّتَيْنِ إِلَى الْمِائَةِ

514- Muhammad bin Muqatil (Abu al-Hasan al-Marwazi) meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdullah (bin al-Mubaarak) meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Auf (al-A'raabi) meriwayatkan kepada kami daripada Sayyaar bin Salaamah, katanya: "Aku dan ayahku pernah mengunjungi Abi Barzah (Nadhlah bin 'Ubaid) al-Aslami. Ayahku bertanya kepadanya: "Bagaimana (diwaktu manakah) selalunya Rasulullah s.a.w. bersembahyang fardhu?" Beliau (Abu Barzah al-Aslami) terus menjelaskan, katanya: Nabi s.a.w. bersembahyang Hajir yang kamu namakannya sembahyang yang pertama

⁹⁴⁶ Maksudnya ialah ketika sinar matahari belum lagi naik ke dinding di sebelah timur, meninggalkan permukaan halaman di bahagian dalam rumah yang tidak berbumbung. Riwayat Ibnu 'Uyainah daripada Zuhri menyebutkan yang belum naik itu ialah bayang. Sedangkan riwayat Malik, Yahya bin Sa'id (al-Anshaari), Syu'aib (bin Abi Hamzah) dan Ibnu Abi Hafshah (muhammad bin Maisarah al-Bashri) pula menyebutkan yang belum naik pada ketika Rasulullah bersembahyang 'Ashar itu ialah sinar. Tujuan Bukhari mengemukakan perbezaan riwayat daripada Zuhri itu bukan untuk menyatakan pertentangan di antara kedua-duanya, malah untuk menyatakan perbezaan lafzi yang terdapat di antara dua riwayat itu semata-mata. Pada hakikatnya ma'na bagi lafaz kedua riwayat itu tidak berbeda sama sekali. Apabila sinar matahari belum naik ke dinding di sebelah timur, tentulah bayang juga tidak naik. Kerana perjalanan bayang daripada permukaan laman dalam rumah menyusuli perjalanan sinar matahari jua. Oleh kerana حديث المثل (hadits yang menyatakan waktu 'Ashar masuk apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya) tidak menepati syarat Sahihnya, Bukhari tidak dapat mengemukakannya. Maka ikhtiar lain yang ada pada beliau ialah membuktikannya melalui istimbaath daripada hadits-hadits yang menunjukkan Rasulullah s.a.w. selalu bersembahyang 'Ashar di awal waktunya. Kalau Rasulullah s.a.w. bersembahyang 'Ashar pada ketika sinar matahari masih lagi berada di laman bahagian dalam rumah 'Aaisyah dan sedikit pun bayang belum naik atau memanjat dinding di sebelah timur rumah beliau, tentulah pada ketika itu bayang sesuatu yang tinggi dan menegak, baru sama panjang dengannya. Itulah yang diistimbaath (disimpulkan) oleh Bukhari daripada tiga hadits 'Aaisyah yang dikemukakan di bawah bab ini.

(sembahyang Zohor) itu⁹⁴⁷ apabila tergelincir matahari. Baginda s.a.w. bersembahyang 'Ashar, lalu (selepas bersembahyang bersama baginda) seseorang daripada kami kembali ke rumahnya di penghujung Madinah. Matahari pada ketika itu masih lagi hidup (panas, cerah dan bersinar-sinar).⁹⁴⁸ Saya (Sayyaar bin Salaamah) terlupa apa yang beliau katakan tentang Maghrib. Nabi s.a.w. suka melewatkan (sembahyang) 'Isyaa' yang kamu panggil 'Atamah itu. Baginda tidak suka (orang) tidur sebelum bersembahyang 'Isyaa' dan berbual-bual selepasnya.⁹⁴⁹ Nabi s.a.w. selesai bersembahyang Subuh ketika seseorang kenal orang yang duduk di sebelahnya⁹⁵⁰ dan Baginda membaca antara enam puluh hingga seratus ayat (dalam sembahyang Subuh)."⁹⁵¹

⁹⁴⁷ Sembahyang Zohor dipanggil *البحير* kerana ia biasanya dikerjakan oleh Rasulullah s.a.w. pada waktu *المهاجرة* (waktu panas terik di tengah hari). Sembahyang Zohor juga dinamakan sembahyang yang pertama, kerana sembahyang Rasulullah s.a.w. yang mula-mula sekali diimami Jibril untuk menunjukkan waktunya selepas Baginda s.a.w. menerima sembahyang fardhu lima waktu pada malam Mi'raj ialah sembahyang Zohor.

⁹⁴⁸ Hadits ini terang bercanggah dengan pegangan golongan Hanafi yang mengatakan waktu 'Ashar baru masuk apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Tidak mungkin kalau Rasulullah s.a.w. bersembahyang pada waktu ini, lalu selepas selesai bersembahyang bersama Baginda, seseorang daripada penduduk al-'Awaali dapat sampai ke rumahnya dalam keadaan matahari pada ketika itu masih lagi hidup (panas, cerah dan bersinar-sinar). Ini kerana kawasan al-'Awaali yang paling dekat dengan Madinah sekalipun, terletak sejauh dua atau tiga batu dari Madinah. Bagaimana dengan yang terletak lebih jauh lagi dari itu?

⁹⁴⁹ Rasulullah s.a.w. tidak suka orang tidur sebelum bersembahyang 'Isyaa'. Jelas sekali sebabnya, kerana takut sembahyang itu terlepas daripadanya. Baginda s.a.w. tidak suka orang berbual-bual selepas bersembahyang 'Isyaa' pula, apa sebabnya? Ada beberapa sebabnya. (a) Supaya tidak terlepas pula sembahyang Subuh dan sembahyang tahajjud daripadanya. (b) Kerana itu adalah adat dan kebiasaan orang-orang jahiliyah. (c) Supaya suratan amalan kita sebelum tidur berakhir dengan ibadat. Perbualan yang tidak disukai Nabi s.a.w. selepas sembahyang 'Isyaa' itu hanyalah perbualan yang berkaitan dengan dunia semata-mata. Adapun perbualan tentang agama, ilmu dan lain-lain yang ada faedahnya, semua itu tidaklah termasuk dalam perbualan yang tidak disukai Baginda s.a.w. Malah Baginda s.a.w. sendiri melakukannya.

⁹⁵⁰ Kata-kata Abi Barzah ini jelas menunjukkan Nabi s.a.w. bersembahyang Subuh pada waktu ghalas. Ghalas ialah waktu permulaan Subuh. Ketika itu keadaan di sekeliling masih lagi gelap. Pada waktu ghalas, seseorang tidak mengenali orang yang berada di sebelahnya. Hanya di akhir waktu itu sahaja anda dapat mengenali orang yang bersembahyang di sebelah anda. Keterangan Abu Barzah bahawa "Nabi s.a.w. selesai bersembahyang Subuh ketika seseorang kenal orang yang duduk di sebelahnya" dengan jelas menunjukkan Rasulullah s.a.w. memang selalu memulakan sembahyang Subuh di awal waktunya iaitu pada waktu ghalas. Ini kerana di dalam sembahyang Subuh Baginda s.a.w. selalunya membaca surah yang panjang atau kira-kira enam puluh hingga seratus ayat al-Qur'an. Dan sebagaimana diketahui semua, bacaan al-Qur'an oleh Rasulullah s.a.w. adalah dengan penuh tartil, pergerakan sembahyangnya pula penuh dengan *thuma'ninah*, maka sudah tentulah ia mengambil masa yang agak lama. Patutlah kalau sembahyang Subuh yang diimami Nabi s.a.w. itu baru selesai di akhir waktu ghalas atau pada

٥١٥ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ عَنْ مَالِكٍ عَنْ إِسْحَاقَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي طَلْحَةَ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ كُنَّا نُصَلِّي الْعَصْرَ ثُمَّ يَخْرُجُ الْإِنْسَانُ إِلَى بَنِي عَمْرِو بْنِ عَوْفٍ فَيَجِدُهُمْ يُصَلُّونَ الْعَصْرَ

515- 'Abdullah bin Maslamah (al-Qa'nabi) meriwayatkan kepada kami daripada (Imam) Malik daripada Ishaq bin 'Abdillah (Abu Yahya m.134H) bin Abi Thalhah daripada (bapa saudaranya) Anas bin Malik, katanya: "Kami bersembahyang 'Ashar. Kemudian seseorang (yang selesai bersembahyang bersama kami di masjid nabi s.a.w.) pergi ke

waktu isfaar (cerah tanah). Pada ketika itu seseorang yang bersembahyang sudah mengenali orang yang duduk di sebelahnya. Hadits ini sama sekali tidak bercanggah dengan hadits 'Aaisyah yang menyebutkan para sahabat wanita setelah selesai bersembahyang Subuh dengan Rasulullah s.a.w. tidak dikenali kerana waktu itu masih lagi waktu ghalas. Lihatlah hadits 'Aaisyah itu bersama dengan terjemahannya ini: *إِنْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيُصَلِّي الصُّبْحَ فَيَنْصَرِفُ النِّسَاءُ مُتَلَفِّعَاتٍ بِمِرْوَطٍ مَا يَعْرِفْنَ مِنَ الْغُلَسِ* Bermaksud: Setelah selesai Rasulullah s.a.w. bersembahyang Subuh, kalangan wanita keluar (dari masjid) dengan berselimut litup. Mereka belum dikenali kerana masih waktu ghalas. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa'i, Abu Ya'la, Ibnu Hibbaan, al-Baihaqi dan lain-lain). Sebabnya ialah hadits Abu Barzah di atas menceritakan ketika Nabi s.a.w. selesai bersembahyang Subuh, seseorang kenal orang yang duduk di sebelahnya. Bukan orang yang duduk jauh daripadanya. Hadits 'Aaisyah pula menceritakan tentang wanita yang telah keluar dari masjid setelah selesai bersembahyang bersama Baginda. Mereka itu berselimut litup pula.

⁹⁵¹ Antara pengajaran, pedoman dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Keelokan bertanya orang yang 'arif tentang sesuatu perkara, terutamanya tentang persoalan-soalan agama yang merupakan fardhu 'ain. (2) Para sahabat Rasulullah s.a.w. menjadi tempat rujukan dalam perkara agama oleh para tabi'in r.a. (3) Rasulullah s.a.w. sangat mengambil berat tentang amalan-amalan agama, khususnya sembahyang lima waktu. Baginda sentiasa mengerjakan sembahyang pada waktu-waktunya yang afdhal. Tentu sekali Rasulullah s.a.w. melakukan begitu supaya diikuti umatnya. (4) Sesetengah sembahyang diingati dengan beberapa nama. Sembahyang Zohor misalnya dipanggil juga dengan nama sembahyang Hajir, sembahyang Haajirah atau sembahyang yang pertama. (5) Boleh dikatakan kesemua sembahyang biasanya dikerjakan oleh Rasulullah s.a.w. pada awal waktunya kecuali 'Isyaa'. (6) Sembahyang zohor selalunya dikerjakan Baginda s.a.w. sebaik sahaja matahari tergelincir, setelah selesai bersembahyang sunat qabliyyahnya. (7) Sembahyang 'Ashar juga selalu dikerjakan oleh Baginda di awal waktunya. Setelah selesai bersembahyang bersama Rasulullah, seseorang yang kembali ke rumahnya di penghujung Madinah mendapati matahari masih lagi hidup (panas, cerah dan bersinar-sinar). (8) Sembahyang 'Isyaa' dikenali juga sebagai sembahyang 'Atamah. Nabi s.a.w. lebih suka bersembahyang 'Isyaa' lewat sedikit. (9) Bagaimanapun Baginda s.a.w. tidak suka umatnya tidur sebelum bersembahyang 'Isyaa' dan berbual-bual kosong selepasnya. Sebabnya ialah takut-takut terlepas daripada mereka sembahyang 'Isyaa' dan Subuh dalam waktunya. (10) Rasulullah s.a.w. selesai bersembahyang Subuh ketika orang yang pergi bersembahyang di masjidnya mengenali orang yang berada di sebelahnya. (11) Di dalam sembahyang Subuh, Rasulullah s.a.w. biasanya membaca surah yang agak panjang atau ayat-ayat al-Qur'an sekitar enam puluh hingga seratus ayat selepas membaca Surah al-Fatihah. (12) Daripada jumlah ayat al-Qur'an yang dibaca Rasulullah dan cara Baginda s.a.w. membacanya, seperti sedia dima'lumi, dapat disimpulkan bahawa Baginda memulakan sembahyang Subuh pada waktu ghalas (awal waktu Subuh yang masih gelap). (13) Sembahyang Subuh juga dipanggil sembahyang al-Ghadat.

kawasan Bani 'Amar bin 'Auf (di Qubaa').⁹⁵² (Di sana) Dia mendapati mereka sedang bersembahyang 'Ashar."⁹⁵³

⁹⁵² Letaknya kira-kira tiga batu dari Madinah. Qubaa' adalah kawasan perumahan Bani 'Amar bin 'Auf. Qubaa' juga termasuk sebahagian daripada kawasan al-'Awaali yang sering disebut-sebut di dalam hadits-hadits Nabi s.a.w.

⁹⁵³ Kata Ibnu Rajab: "Hadits ini merupakan dalil kepada keharusan melewati sembahyang 'Ashar selagi tidak masuk waktu makruhnya. Kerana terdapat di kalangan sahabat orang-orang yang melewati sedikit sembahyang 'Ashar daripada waktu Nabi s.a.w. sendiri bersembahyang (di Masjidnya). Zahirnya menunjukkan Nabi s.a.w. mengetahui perbuatan mereka itu, bagaimanapun Baginda s.a.w. tetap mengesahkannya (mentaqrirkannya)." Sama ada hadits ini dikira mauquf atau marfu', khilaf pula para 'ulama' hadits tentangnya. Sesetengah mereka berpendapat, kata-kata sahabat: "Dahulu kami selalu melakukan begini-begini" adalah musnad marfu'. Walaupun ia tidak dikaitkan dengan zaman Nabi s.a.w. Inilah pilihan al-Haakim. Tindakan Bukhari memasukkan hadits Anas ini di antara hadits-hadits lain yang marfu' membayangkan kecenderungan beliau tentang ia juga merupakan sebuah hadits musnad dan marfu'. Meskipun beliau tidak menyebutnya secara terang. Daaraquthni, al-Khathib dan golongan 'ulama' hadits yang lain pula berpendapat hadits ini mauquf. Sebetulnya hadits-hadits seperti inilah yang dikatakan hadits mauquf yang sama darjatnya dengan hadits marfu' atau hadits yang lafaznya mauquf tetapi hakikatnya marfu' (موقوف في حكم المرفوع أو موقوف لفظاً مرفوع حكماً). Bukankah Anas telah mengemukakannya sebagai hujah? Sudah tentulah apa yang diucapkan beliau itu berlaku di zaman Nabi s.a.w. Apa lagi kalau dilihat kepada thuruqnya (saluran-saluran riwayatnya) yang lain. Imam Nasaa'i sebagai contohnya telah mengemukakan hadits Malik ini melalui saluran riwayat 'Abdullah bin al-Mubaarak daripada beliau. Di dalamnya jelas Anas memarfukannya kepada Nabi s.a.w. Berikut ialah riwayat an-Nasaa'i itu: أَخْبَرَنَا سُوَيْدُ بْنُ نَصْرٍ قَالَ أُنْبَأَنَا عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُبَيْدٍ عَنْ أَنَسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصَلِّي الْعَصْرَ ثُمَّ يَذْهَبُ الدَّاهِبِ عَبْدُ اللَّهِ عَنْ مَالِكٍ قَالَ حَدَّثَنِي الزُّهْرِيُّ وَإِسْحَاقُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَنَسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصَلِّي الْعَصْرَ ثُمَّ يَذْهَبُ الدَّاهِبِ إِلَى قُبَاءٍ فَقَالَ أَخَذَهُمَا فَيَأْتِيَهُمْ وَهُمْ يُصَلُّونَ وَقَالَ الْآخَرُ وَالشَّمْسُ مُرْتَفِعَةٌ. Bermaksud: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. selalu bersembahyang 'Ashar (di awal waktunya). Kemudian (setelah selesai bersembahyang bersama Rasulullah s.a.w.) ada orang pergi ke Qubaa'. Salah seorang daripada mereka berdua (az-Zuhri atau Ishaq bin 'Abdillah) selanjutnya berkata: "Dia mendapati orang-orang (di sana) sedang bersembahyang ('Ashar). Kata yang seorang lagi: "ketika itu matahari masih lagi tinggi." **Antara pengajaran, pedoman dan panduan** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Hadits di atas menunjukkan Nabi s.a.w. selalunya bersembahyang 'Ashar di awal waktunya. (2) Al-Kirmaani, an-Nawawi dan lain-lain berpendapat, sebabnya sahabat-sahabat di Qubaa' bersembahyang agak lewat ialah kerana mereka itu golongan petani dan pekebun. Mungkin sekali mereka bersembahyang 'Ashar lewat sedikit daripada di masjid Nabi s.a.w. untuk menyelesaikan sebahagian daripada kerja mereka di ladang. Setelah itu bersiap sedia pula untuk bersembahyang 'Ashar dengan berwudhu' dan sebagainya. Mungkin juga sebahagian mereka menunggu sebahagian yang lain untuk meramaikan jama'ah. (3) Orang-orang di kawasan pinggir Madinah selalu juga datang ke masjid Nabi s.a.w. untuk mempelajari agama Islam dan berjama'ah dengan Baginda. (4) Agama Islam sentiasa mengambil kira keperluan atau kesukaran yang dihadapi penganutnya. Kerana itu Nabi s.a.w. tidak pernah memestikan semua sahabat bersembahyang di awal waktu. Meskipun Beliau s.a.w. sendiri selalu bersembahyang pada waktu itu. (5) Qubaa' adalah kawasan perumahan Bani 'Amar bin 'Auf. (6) Tempat-tempat sembahyang atau masjid-masjid harus didirikan di kawasan-kawasan perumahan yang berlainan untuk kemudahan orang-orang setempat beribadat.

٥١٦ - حَدَّثَنَا ابْنُ مُقَاتِلٍ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ قَالَ أَخْبَرَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ عُثْمَانَ بْنِ سَهْلٍ بْنُ حُنَيْفٍ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا أُمَامَةَ بْنَ سَهْلٍ يَقُولُ صَلَّيْنَا مَعَ عُمَرَ بْنِ عَبْدِ الْعَزِيزِ الظُّهْرَ ثُمَّ خَرَجْنَا حَتَّى دَخَلْنَا عَلَى أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ فَوَجَدْنَاهُ يُصَلِّي الْعَصْرَ فَقُلْتُ يَا عَمَّ مَا هَذِهِ الصَّلَاةُ الَّتِي صَلَّيْتَ قَالَ الْعَصْرُ وَهَذِهِ صَلَاةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الَّتِي كُنَّا نُصَلِّي مَعَهُ

516- Ibnu Muqatil (Abu al-Hasan Muhammad al-Marwazi) meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdullah (bin al-Mubaarak) meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Bakar bin 'Utsman bin Sahl bin Hunaif meriwayatkan kepada kami, katanya: Saya mendengar Aba Umaamah (As'ad)⁹⁵⁴ bin Sahl (bin Hunaif) bercerita, katanya: "Kami telah bersembahyang Zohor berimamkan 'Umar bin 'Abdil 'Aziz. Kemudian kami mengunjungi Anas bin Malik.⁹⁵⁵ Kami mendapati Anas r.a. sedang bersembahyang 'Ashar. Saya pun bertanya: "Sembahyang apakah yang pakcik⁹⁵⁶ kerjakan baru sekejap tadi?" Jawab beliau: "Sembahyang 'Ashar. Inilah (waktu) sembahyang ('Ashar) yang kami selalu dirikan bersama Rasulullah s.a.w. dahulu."⁹⁵⁷

⁹⁵⁴ Abu Bakar bin 'Utsman bin Sahl bin Hunaif meriwayatkan hadits ini daripada Abu Umaamah, bapa saudaranya. Nama sebenar Abu Umaamah ialah As'ad bin Sahl bin Hunaif. Abu Umaamah ini lahir di zaman Nabi s.a.w. dan meninggal dunia pada tahun 100H. Menurut pendapat yang lebih sahih, beliau adalah seorang sahabat.

⁹⁵⁵ Rumah Anas bin Malik r.a. terletak di sebelah masjid Nabi s.a.w. saja. Menurut sesetengah 'ulama', amalan 'Umar bin 'Abdil 'Aziz pada ketika itu ialah seperti pemimpin-pemimpin Bani Umayyah yang lain. Mereka sering lewat-lewatkan sembahyang. Mungkin 'Umar bin 'Abdil 'Aziz pada masa itu belum lagi mengetahui sunnah Nabi s.a.w. tentang eloknya bersembahyang di awal waktu. Mungkin juga beliau lewatkan sembahyang kerana sesuatu keuzuran. Pada pendapat penulis, para pemimpin Bani Umayyah, khususnya 'Umar bin 'Abdil 'Aziz memang berpegang dengan dalil-dalil yang menunjukkan elok bersembahyang lewat sedikit seperti yang dipegang oleh 'ulama'-'ulama' dalam mazhab Hanafi kemudiannya. Mereka tidak lewatkan sembahyang kerana buta sunnah atau kerana sesuatu keuzuran. Memang begitu pun amalan kebiasaan mereka sepanjang masa. Peristiwa yang tersebut di dalam hadits di atas berlaku ketika 'Umar bin 'Abdil 'Aziz menjadi gabenor di Madinah mewakili Khalifah al-Walid bin 'Abdil Malik. Ia tidak berlaku ketika beliau menjadi khalifah. Alasannya ialah Anas meninggal dunia kira-kira sembilan tahun sebelum 'Umar bin 'Abdil 'Aziz menjadi khalifah.

⁹⁵⁶ Anas bukan bapa saudara Abu Umaamah sebenarnya. beliau memanggil Anas pak cik untuk menghormati dan memuliakannya semata-mata.

⁹⁵⁷ Jawapan Anas ini jelas menunjukkan kebiasaan Rasulullah s.a.w. ialah bersembahyang 'Ashar betul-betul di awal waktu. Ketika bayang sesuatu baru sama panjang dengannya. **Antara pengajaran dan pedoman** yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Di zaman salaf, ketika Islam berada di kemuncak kegemilangannya, pemimpin masyarakat dan negaralah yang menjadi imam di masjid-masjid utama. (2) Para sahabat Nabi s.a.w. adalah contoh yang sentiasa dijadikan ikutan oleh para tabi'in. Kerana itu para sahabat sentiasa dikunjungi mereka untuk mendapat apa-apa panduan dan pengetahuan berhubung dengan ajaran agama Islam. (3) Para sahabat sangat mengambil berat dan menjaga amalan-amalan yang pernah atau sentiasa mereka lakukan bersama Rasulullah s.a.w. semasa hayat Baginda. (4) Menurut Anas, sembahyang 'Ashar dikerjakan oleh

٥١٧ - حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنْ الزُّهْرِيِّ قَالَ حَدَّثَنِي أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي الْعَصْرَ وَالشَّمْسُ مُرْتَفِعَةٌ حَتَّى يَذْهَبَ الدَّاهِبُ إِلَى الْعَوَالِي فَيَأْتِيهِمْ وَالشَّمْسُ مُرْتَفِعَةٌ وَبَعْضُ الْعَوَالِي مِنَ الْمَدِينَةِ عَلَى أَرْبَعَةِ أَمْيَالٍ أَوْ خَوْه

517- Abu al-Yaman meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'aib meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri, katanya: Anas bin Malik meriwayatkan kepada saya, katanya: Rasulullah s.a.w. selalu bersembahyang 'Ashar ketika matahari masih tinggi dan hidup (panas, cerah dan bersinar-sinar). Orang yang pergi ke *al-'Awali*⁹⁵⁸ sampai kepada mereka (penduduknya) ketika matahari masih lagi tinggi. Jarak sebahagian *al-'Awali* dari Madinah ialah kira-kira empat batu.⁹⁵⁹

٥١٨ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ كُنَّا نُصَلِّي الْعَصْرَ ثُمَّ يَذْهَبُ الدَّاهِبُ مِنَّا إِلَى قُبَاءٍ فَيَأْتِيهِمْ وَالشَّمْسُ مُرْتَفِعَةٌ

518- 'Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Ibni Syihaab daripada Anas bin Malik, katanya: "Kami dahulu bersembahyang 'Ashar (di awal waktunya). Kemudian ada seseorang daripada kami pergi

Rasulullah s.a.w. betul-betul di awal waktunya. (5) Perbedaan pendapat memang ada berlaku di kalangan salaf, khususnya dalam perkara-perkara *furu'* atau *fiqh*. (6) Menghormati orang-orang tua dan beradab dengan mereka, sama ada dengan tingkah laku atau tutur kata.

⁹⁵⁸ Al-'Awaali ialah kawasan tanah tinggi di pinggir Madinah yang terletak di sebelah Najd. Di sana terdapat beberapa buah kampung. Kawasan di sebelah Tihamah pula dipanggil as-Saafilah.

⁹⁵⁹ Ayat terakhir ini mungkin merupakan kata-kata Bukhari atau Zuhri. Mungkin juga masih merupakan kata-kata Anas. Demikian ulasan al-Kirmaani. Hafiz Ibnu Hajar dan al-'Aini pula berpendapat, berdasarkan kebiasaan Zuhri melakukan idraaj (sisipan) di dalam hadits-hadits, zahirnya ayat terakhir itu merupakan mudraj (ayat sisipan) daripada beliau. Lebih-lebih lagi kerana adanya hadits Anas menerusi saluran riwayat 'Abdur Razzaaq daripada Ma'mar daripada Zuhri. Di dalam riwayat itu selepas kata Anas: وَالشَّمْسُ مُرْتَفِعَةٌ tersebut begini: قَالَ الزُّهْرِيُّ وَالْعَوَالِي مِنَ (Kata Zuhri: "Al-'Awali terletak sejauh dua dan tiga batu dari Madinah. Saya rasa beliau (Anas) berkata: dan empat batu." Ayat terakhir ini diriwayatkan oleh al-Baihaqi dengan lafaz: وَبَعْدُ الْعَوَالِي أَرْبَعَةٌ أَمْيَالٍ أَوْ ثَلَاثَةٌ Bermaksud: "Jauhnya al-'Awaali itu (dari Madinah) ialah empat batu atau tiga batu." dengan syak. Imam Bukhari sendiri ada meriwayatkan dengan lafaz ini secara ta'liq di dalam Kitab al-I'tishaam. Tetapi isnad riwayat al-Baihaqi dha'if kerana terdapat di dalamnya 'Abdullah bin Saleh jurutulis al-Laits. Dia seorang yang lemah dari sudut hafalannya. Demikianlah tersebut jarak yang berbeza-beza di antara Madinah dan al-'Awaali. Semuanya benar. Jarak di antara Madinah dan al-'Awaali berdasarkan kebanyakan riwayat dan keputusan 'ulama' tentangnya adalah di antara dua hingga lapan batu. Itulah jaraknya yang diterima oleh Qadhi 'Iyaadh, Ibnu 'Abdil Barr, Ibnu al-Atsir dan lain-lain.

ke Qubaa'.⁹⁶⁰ Dia sampai kepada mereka (di Qubaa') ketika matahari masih lagi tinggi."⁹⁶¹

⁹⁶⁰ Kata Ibnu 'Abdil Barr: "Riwayat daripada Malik tidak ada khilaf tentang penggunaan perkataan Qubaa' di dalam hadits ini. Daripada sekian ramai orang-orang yang meriwayatkannya daripada Zuhri tidak ada siapa pun telah menjadi mutaabi' (penyokong) kepada Malik dalam meriwayatkan hadits ini dengan perkataan itu. Semua mereka malah meriwayatkan perkataan al-'Awaali di tempat perkataan Qubaa' oleh Malik dalam riwayatnya. Apa yang diriwayatkan oleh orang-orang lain itulah yang betul pada pandangan tokoh-tokoh hadits." Menurut Ibnu 'Abdil Barr, riwayat Malik yang menggunakan perkataan Qubaa' itu tidak syak lagi merupakan waham (satu kekeliruan) perawi (Malik). Apa yang disebut Ibnu 'Abdil Barr itu disebut juga oleh Abu Bakar al-Khathib dan lain-lain. Pendapat Ibnu 'Abdil Barr dibantah oleh sesetengah pihak dengan alasan Ibnu Abi Zi'b juga ada meriwayatkan daripada Zuhri dengan menggunakan perkataan Qubaa' seperti Malik. Demikian nukil al-Baaji daripada Daaraquthni. Oleh itu mengaitkan waham dengan Malik adalah tidak tepat. Jika diandaikan waham memang ada di dalam hadits itu, maka ia tidak khusus dengan Malik. Mungkin juga Zuhri yang terkeliru (waham) ketika meriwayatkannya kepada Malik. Buktinya ialah riwayat Khalid bin Makhlad daripada Malik. Riwayat beliau daripada Malik sama seperti riwayat orang-orang lain, menggunakan perkataan al-'Awaali bukan Qubaa'. Riwayat Malik di sini nampaknya sudah berbeza. Kerana itu tidaklah wajar menyandarkan waham itu kepada Malik secara pasti. Yang keliru nampaknya Zuhri, bukan lagi Malik sebagaimana yang diyakini Ibnu 'Abdil Barr. Hafiz Ibnu Hajar mengulas pendapat Ibnu 'Abdil Barr tadi, kata beliau: "Memang benar kata beliau (Ibnu 'Abdil Barr) bahawa yang betul pada pandangan tokoh-tokoh hadits ialah dengan lafaz al-'Awaali daripada segi penggunaan perkataannya. Tetapi jika dilihat kepada sudut ma'nanya, penggunaan perkataan Qubaa' juga tidak salah. Ma'na kedua-duanya lebih kurang sama jua. Cuma riwayat Malik menggunakan perkataan yang ma'nanya lebih khusus. Kerana Qubaa' adalah sebahagian daripada al-'Awaali. Bukan kesemua sekali 'Al-'Awaali termasuk dalam Qubaa'. Mungkin pada pandangan Malik riwayat Zuhri terlalu borong dan samar, maka beliau memakainya dengan erti yang terdapat dalam hadits yang mufassar (terang) iaitu riwayat beliau daripada Ishaq yang telah tersebut sebelum ini. Di dalam riwayat Ishaq itu tersebut: "Kemudian seseorang (yang selesai bersembahyang bersama kami di masjid Nabi s.a.w.) pergi ke kawasan Bani 'Amar bin 'Auf." Bukankah perkampungan Bani 'Amar bin 'Auf terletak di Qubaa'? Bagi Malik, cerita yang dikemukakan oleh Zuhri dan Ishaq itu adalah cerita yang sama. Kedua-kedua mereka telah menerimanya daripada Anas. Justeru menjama'kan kedua-dua riwayat tersebut lebih aula (patut / baik) daripada menganggap Malik telah waham dalam meriwayatkannya. Alasan Ibnu Batthaal yang mengatakan kekeliruan (waham) sebenarnya telah berlaku pada perawi-perawi di bawah Malik. Bukan Malik sendiri yang terkeliru atau waham. Buktinya ialah riwayat Khalid bin Makhlad tadi yang betul-betul sama dengan riwayat-riwayat orang-orang lain. Namun alasan beliau itu tetap boleh dipertikaikan, kerana Malik telah meriwayatkan dengan lafaz itu di dalam Muwathha'nya. Semua murid-murid Malik juga meriwayatkan daripada beliau dengan lafaz itu, kecuali Khalid bin Makhlad. Dengan itu riwayat Khalid bin Makhlad itulah yang syaz. Ia tidak mampu menyabitkan adanya waham di dalam riwayat sekian ramai murid-murid Malik. Kalau hendak diterima sekalipun ada waham di dalam riwayat Malik itu, maka ia adalah waham Malik sendiri seperti yang diputuskan oleh al-Bazzaar, Daaraquthni dan lain-lain tokoh hadits. Mungkin juga ia waham Zuhri ketika meriwayatkannya kepada Malik. Bagaimanapun jalan jama' seperti yang telah kami kemukakan tadi itulah yang terbaik. Allah jualah yang memberi taufiq." Pada pendapat Ibnu Rusyaid pula Imam buhari sebenarnya hendak membenarkan

tindakan Malik itu dengan isyarat yang paling indah dan ibarat yang paling ringkas. Caranya ialah mula-mula sekali beliau mengemukakan riwayat Malik yang borong dan samar. Riwayat itu kemudiannya disusuli dengan riwayat Malik yang terang (المفسر) dan yang dapat dijadikan sebagai penentu (المعين).

⁹⁶¹ Tujuan Bukhari di sebalik mengemukakan hadits 518 dan 517 sebelumnya ialah untuk membuktikan waktu kebiasaan Rasulullah s.a.w. bersembahyang 'Ashar. Jelas sekali daripada hadits-hadits tersebut, Baginda s.a.w. mengerjakannya betul-betul di awal waktu. Ketika bayang sesuatu baru sama panjang dengannya. Kalau tidak, mana mungkin seseorang yang selesai bersembahyang bersama Rasulullah s.a.w. di masjid Baginda, dapat sampai ke kawasan al-'Awaali yang jauhnya kira-kira empat batu atau lebih lagi dari itu dalam keadaan matahari masih lagi tinggi dan hidup (panas, cerah dan bersinar-sinar).

⁹⁶² Tajuk bab ini telah menarik perhatian para pensyarah Sahih Bukhari membincangkan sekurang-kurangnya tentang empat kemusykilan berikut ini: (1) Imam Bukhari membuat bab 96 dan seterusnya membuat pula bab 97. Maksud kedua-duanya kelihatan lebih kurang sama saja. Bukankah dengan begitu berlakulah pengulangan ma'na tajuk bab yang bertentangan dengan iltizam Bukhari? (2) Apakah erti فوات (terlepas) yang sebenarnya dimaksudkan oleh Bukhari di sini? (3) Apakah erti إثم yang tersebut di dalam tajuk bab di atas? (4) Adakah orang yang terlepas sembahyang-sembahyang yang lain juga berdosa seperti orang yang terlepas sembahyang 'Ashar dan akan menerima akibat yang sama? **Berhubung dengan perkara (1)**, di sana terdapat empat pendapat 'ulama' yang cuba merungkaikannya. (a) Sesetengah 'ulama' seperti Hafiz Ibnu Hajar dan al-'Aini berpendapat kedua-dua tajuk bab itu tidak sama daripada segi tajuk 96 bererti melewati sembahyang 'Ashar daripada waktu harusnya tanpa sebarang keuzuran. Sedangkan tajuk 97 pula bererti meninggalkan terus sembahyang 'Ashar dalam waktunya. Walaupun kemudiannya diqadha'kan. (b) Ada juga berpendapat, tajuk 96 lebih menunjukkan sembahyang 'Ashar yang terlepas dengan terlupa atau tidak dengan sengaja. Inilah yang difahami Imam Tirmizi daripada hadits di bawah tajuk 96. Kerana itu beliau meletakkannya di bawah tajuk: بَابُ مَا جَاءَ فِي السُّنَنِ عَنْ وَقْتِ صَلَاةِ الْعَصْرِ (Bab Hadits Berkenaan Dengan Terlupa Bersembahyang 'Ashar Dalam Waktunya) di dalam Jaami'nya. Sementara tajuk 97 pula menunjukkan sembahyang 'Ashar yang terlepas dengan sengaja atau dengan kata lain sembahyang 'Ashar yang ditinggalkan dengan sengaja. (c) Kedua-dua tajuk itu sebenarnya membawa maksud yang sama iaitu dosa atau akibat yang diterima orang yang meninggalkan sembahyang 'Ashar. Imam Bukhari memisahkannya menjadi dua tajuk yang berasingan tidak kerana lain melainkan semata-mata untuk menjaga lafaz dua riwayat yang berbeza seperti dikemukakannya di bawah tajuk 96 dan 97. Ini adalah pendapat Syaikh Zakariya. (d) Bagi penulis, apa yang difahami Bukhari daripada hadits di bawah tajuk bab ini ialah orang yang berdosa dan akan menyesal sangat di akhirat nanti antaranya ialah orang-orang yang bersembahyang 'Ashar di akhir waktu sebagai suatu kebiasaan. Di samping itu, bersembahyang 'Ashar di waktu afdhal dan mustahabnya, seolah-olah tidak dianggapnya afdhal dan mustahab lagi. Inilah penyelesaian yang paling sesuai untuk tajuk bab 96 di atas. Dosa orang yang tersebut di dalam hadits di bawah tajuk bab ini ialah kerana melanggar sunnah Nabi s.a.w. Akibat atau kerugian daripada perbuatan itu akan diterima pelakunya di akhirat nanti. Itulah yang akan membuatnya sangat-sangat menyesal. **Jawapan (a) dan (b) tidak memuaskan kerana dua sebab.** (i) Dengan adanya keuzuran, bukankah tidak berdosa melewati sembahyang 'Ashar walaupun sampai ke penghujung waktunya? Apa ertinya menghadkan tidak berdosa itu setakat waktu harusnya? Adapun selepasnya tetap berdosa, walaupun ada keuzuran?!

Bukankah Rasulullah s.a.w. ada bersabda: مَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الصُّبْحِ قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الصُّبْحَ وَمَنْ أَدْرَكَ الْعَصْرَ قَبْلَ أَنْ تَغْرُبَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الْعَصْرَ Bermaksud: Sesiapa sempat mendapat satu ruku' daripada sembahyang Subuh sebelum matahari terbit bererti dia telah mendapat sembahyang Subuh itu (sebagai tunai). Dan sesiapa sempat mendapat satu ruku' daripada sembahyang 'Ashar sebelum matahari terbenam, bererti dia telah mendapat sembahyang 'Ashar itu (sebagai tunai). (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, Bukhari, Abu Daud, Nasaa'i, Tirmizi, Ibnu Majah dan lain-lain). Lebih terang lagi daripada itu, Rasulullah s.a.w. telah bersabda: مَنْ صَلَّى رَكْعَةً مِنَ صَلَاةِ الصُّبْحِ قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ فَلَمْ تَقْتَهُ Bermaksud: Sesiapa sempat bersembahyang satu ruku' daripada sembahyang Subuh sebelum matahari terbit bererti sembahyang Subuh itu tidak terlepas daripadanya (dia masih dikira bersembahyang Subuh secara tunai). Dan sesiapa sempat mendapat satu ruku' daripada sembahyang 'Ashar sebelum matahari terbenam, bererti sembahyang 'Ashar itu tidak terlepas daripadanya (dia masih dikira bersembahyang 'Ashar secara tunai). (Hadits riwayat Ahmad, Abu 'Awaanah, al-Bazzaar dan Abu Daud at-Thayaalisi). Kalau sempat bersembahyang satu ruku' sahaja daripada sembahyang Subuh atau 'Ashar, masih dikira seseorang itu bersembahyang secara tunai dalam waktunya. Itu pula dilakukan dengan sebab ada sesuatu keuzuran. Kenapa anda berani berkata orang yang tidak sempat bersembahyang 'Ashar pada waktu harusnya tanpa sebarang keuzuran itu bererti telah terlepas sembahyang 'Asharnya. Maka berdosa dia. Sedangkan Rasulullah sendiri mengatakan orang yang sempat mendapat satu ruku' sahaja daripada sembahyang 'Ashar sebelum matahari terbenam, bererti sembahyang 'Ashar itu tidak terlepas daripadanya?! Kenapa pula dia berdosa?? (ii) Apa ertinya pula berdosa apabila melakukan sesuatu dengan tidak sengaja? Bukankah Rasulullah s.a.w. telah bersabda: إِنَّ اللَّهَ تَجَاوَزَ عَنْ أُمَّتِي الْخَطَأَ وَالنِّسْيَانَ وَمَا اسْتَكْرَهُوا عَلَيْهِ Bermaksud: Sesungguhnya Allah mema'afkan umatku kerana (mereka) tersalah, terlupa dan terpaksa. (Hadits riwayat Ibnu Majah, at-Thabaraani, ad-Daraquthni, al-Haakim dan al-Baihaqi). Hadits ini menunjukkan sesuatu perbuatan yang dilakukan seseorang secara tidak sengaja itu tidak dikira Allah sebagai dosa. Jawapan (c) juga kurang memuaskan. Bukankah orang yang tertinggal atau terlepas sembahyang 'Ashar dengan tidak sengaja itu tidak berdosa seperti orang yang meninggalkannya dengan sengaja? Kalau begitu kenapa pula Bukhari mengatakan orang yang terlepas sembahyang 'Ashar dengan tidak disengajakan juga berdosa seperti orang yang meninggalkannya dengan sengaja? Apa alasan yang membuatkan kedua-duanya dikira sama?? **Kemuskilan kedua ialah apakah erti فوات (terlepas)** yang sebenarnya dimaksudkan oleh Bukhari di sini? Para 'ulama' berbeda pendapat tentang erti فوات العَصْر (terlepas sembahyang 'Ashar) yang tersebut di dalam hadits ini. Berikut dikemukakan beberapa daripadanya. (1) Malik, Ibnu Wahab dan Ibnu Naafi' berpendapat, orang yang tidak bersembahyang 'Ashar pada waktunya yang terpilih, itulah orang yang terlepas sembahyang 'Ashar. (2) Al-Ashili, Sahnun, Ibnu 'Abdil Barr dan lain-lain berpendapat, orang yang terlepas sembahyang 'Ashar ialah orang yang tidak sempat bersembahyang 'Ashar sehingga matahari terbenam. (3) Ada juga 'ulama' berpendapat, orang yang terlepas sembahyang 'Ashar ialah orang yang tidak sempat bersembahyang 'Ashar sebelum matahari menguning. Terlepas dengan tafsiran ini ada tersebut di dalam riwayat al-Auzaa'i yang dikemukakan oleh Abu Daud dan lain-lain. Kata beliau: وَذَلِكَ أَنْ تَرَى مَا عَلَى الْأَرْضِ مِنَ الشَّمْسِ صَفْرَاءَ (Waktu terlepasnya ialah apabila engkau nampak sesuatu yang terkena cahaya matahari menjadi kuning). (4) Hafiz Ibnu Hajar dan al-'Aini berpendapat, orang yang terlepas sembahyang 'Ashar ialah orang yang melewati sembahyang 'Ashar daripada waktu harusnya tanpa sebarang keuzuran. (5) Abu 'Abdillah al-Muhallab bin Abi Shufrah berpendapat, orang yang terlepas sembahyang 'Ashar ialah orang yang tidak menunaikannya dengan berjama'ah. Kata beliau, bersembahyang 'Ashar dengan berjama'ah itu disaksikan oleh para malaikat malam dan siang yang akan bertukar giliran mereka pada masa itu. Kalaulah maksud terlepas itu semata-mata dengan menguningnya matahari atau terbenamnya matahari, niscaya ia tidak lagi khusus dengan

sembahyang 'Ashar sahaja. Sembahyang-sembahyang lain juga ada waktu makruh dan haramnya. Sembahyang-sembahyang yang lain juga ada penghujungnya. Kata Ibnu al-Munaiyyir, kalau begitu sabda Nabi s.a.w. ini tidak lagi khusus dengan waktu 'Ashar. Waktu Subuh juga disaksikan malaikat. Malah al-Qur'an sendiri ada menyebutnya. Allah berfirman:

أَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِ الشَّمْسِ إِلَى غَسَقِ اللَّيْلِ وَقُرْآنَ الْفَجْرِ إِنَّ قُرْآنَ الْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا ﴿٢٤٦﴾

Bermaksud: Dirikanlah sembahyang dari sesudah matahari tergelincir sampai (waktu) gelap malam dan (dirikanlah pula sembahyang) Subuh. Sesungguhnya sembahyang subuh itu disaksikan (oleh malaikat). (Al-Israa':78). Pada waktu Subuh juga malaikat malam dan siang bertukar giliran. Rasulullah s.a.w. bersabda: *يَتَعَاقَبُونَ فِيكُمْ مَلَائِكَةُ اللَّيْلِ وَمَلَائِكَةُ النَّهَارِ وَيَجْتَمِعُونَ فِي صَلَاةِ الْعَصْرِ وَصَلَاةِ الْفَجْرِ ثُمَّ يَخْرُجُ الَّذِينَ بَاتُوا فِيكُمْ فَيَسْأَلُهُمْ وَهُوَ أَغْلَمُ بِهِمْ كَيْفَ تَرَكْتُمْ عِبَادِي فَيَقُولُونَ تَرَكْنَاهُمْ وَهُمْ يُصَلُّونَ وَأَتَيْنَاهُمْ وَهُمْ يُصَلُّونَ*. Bermaksud: Malaikat malam dan malaikat siang bersilih ganti datang kepadamu. Mereka (bertemu dan) berkumpul pada waktu sembahyang 'Ashar dan sembahyang Subuh. Kemudian malaikat yang bermalam di kalanganmu naik. Lalu mereka ditanya Dia (Allah). Padahal Dia lebih mengetahui tentang mereka: "Bagaimana kamu tinggalkan hamba-hambaku?" Jawab para malaikat itu: "Kami tinggalkan mereka ketika mereka sedang bersembahyang dan datang (sampai) kepada mereka (juga) ketika mereka sedang bersembahyang. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Malik, Nasaa'i, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan, Ahmad, Abu 'Awaanah dan Abu Ya'la). **Kemusykilan ketiga ialah apakah erti اثم** yang tersebut di dalam tajuk bab di atas? Ma'na asal perkataan اثم ialah dosa. Sama ada Bukhari telah memakainya dengan ma'na asalnya atau dengan ma'na majazinya, terdapat dua pendapat 'ulama' berhubung dengan perkara ini. Anda telah melihat sebelum ini, betapa kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari mengalami kesukaran dalam usaha mereka menyesuaikan ma'na asal perkataan اثم dengan tajuk bab 96 ini. Kerana hampir semua mereka menerima perbezaan tajuk bab ini tajuk bab selepasnya ialah tajuk bab ini berkaitan dengan orang yang terlepas sembahyang 'Ashar dengan tidak sengaja. Tajuk bab selepas ini pula berkenaan dengan orang yang meninggalkan sembahyang 'Ashar dengan sengaja. Perkara yang mengeruhkan pemikiran mereka ialah kenapa orang yang terlepas sembahyang 'Ashar dengan tidak sengaja itu berdosa? Ini adalah sesuatu yang bercanggah dengan ushul. Penyelesaian yang dikemukakan oleh penulis di bawah jawapan (d) di atas diharap dapat merungkakan kekusutan yang timbul itu in syaa' Allah. Pendapat kedua ialah perkataan اثم yang disebut Bukhari dalam tajuk bab ini tidak dipakai dengan ma'na asalnya. Sebaliknya ia dipakai dengan ma'na majazinya. Apakah pula ma'na majazinya? Jawab mereka, ma'na majazinya ialah الأسف الشديد (kesesalan yang amat sangat) dan سوء العاقبة (akibat buruk daripada perbuatan mereka). Orang yang terlepas sembahyang 'Ashar di akhirat nanti betul-betul menyesal, apabila ia melihat pahala orang yang mengikut sunnah Nabi s.a.w. dalam bersembahyang 'Ashar. Kerugian yang dirasainya akibat perbuatan itu bagaikan kehilangan ahli keluarga dan harta bendanya. Perkataan اثم juga mengisyaratkan kepada kekesalan itu sesuatu yang akan menjadi kenyataan di akhirat nanti. Pada pendapat penulis, sebabnya golongan kedua ini memilih ma'na majazi bagi perkataan اثم ialah kerana kebuntuan mereka dalam menjernihkan kekeruhan tadi. Di bawah jawapan (d) yang telah dikemukakan di atas, penulis cuba menggabungkan ma'na asal اثم dan ma'na majazinya. Kedua-dua ma'na itu sebenarnya harus digabungkan untuk menarik maksud Bukhari di sebaliknya. Itulah juga sebabnya kenapa penulis menterjemahkan perkataan اثم itu dengan akibat di bawah tajuk bab di atas. **Berhubung dengan kemusykilan keempat** iaitu adakah orang yang terlepas sembahyang-sembahyang yang lain juga berdosa seperti orang yang terlepas sembahyang 'Ashar dan akan menerima akibat yang sama? Para 'ulama' juga berbeza pendapat tentang perkara ini. Hafiz Ibnu Hajar berkata, zahir hadits menunjukkan ancaman berat yang tersebut di dalam hadits di bawah bab ini khusus dengan orang yang terlepas sembahyang 'Ashar sahaja. Ibnu 'Adil Barr berpendapat, ada kemungkinan hadits di bawah bab ini disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai jawapan kepada soalan seseorang

tentang orang yang terlepas sembahyang 'Ashar. Ia tidak bererti menafikan ancaman berat itu daripada orang yang terlepas sembahyang-sembahyang yang lain. Imam an-Nawawi di dalam Syarah Muslim membantah pendapat Ibnu 'Adil Barr itu dengan katanya: وإنما يلحق غير المنصوص. Bermaksud: "Sesuatu yang tidak tersebut di dalam nas dengan terang, baru boleh dikiaskan dengan sesuatu yang tersebut di dalam nas dengan terang, apabila kita dapat pastikan 'illat (yang ada pada sesuatu yang tersebut di dalam nas dengan terang itu). Dan kedua-duanya pula berkongsi 'illat itu." Oleh kerana 'illat bagi ancaman berat kerana terlepas sembahyang itu tidak dapat dipastikan, maka tidak bolehlah sembahyang-sembahyang lain dikiaskan dengannya. Antara hujah Ibnu 'Adil Barr dalam bab ini ialah: (1) Hadits riwayat Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain daripada Abi ad-Dardaa' secara marfu'. Begini isnad dan lafaz matannya: حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ قَالَ أَخْبَرَنَا عُبَادُ بْنُ مَيْسَرَةَ الْمُنْقَرِيُّ عَنْ أَبِي قِلَابَةَ وَالحسن أَنَّهُمَا كَانَا جَالِسَيْنِ فَقَالَ أَبُو قِلَابَةَ قَالَ أَبُو الدَّرْدَاءِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ تَرَكَ صَلَاةً مَكْتُوبَةً حَتَّى تَقُوتَهُ مِنْ غَيْرِ غُرٍّ فَقَدْ خِطَّ عَمَلُهُ Bermaksud: "Sesiapa meninggalkan satu sembahyang fardhu sehingga ia terlepas tanpa sebarang keuzuran, terhapuslah amalannya." Hadits Abu ad-Dardaa' ini menyebutkan sembahyang fardhu secara umum. Ia tidak khusus dengan sembahyang 'Ashar. Tetapi isnad hadits ini putus. Kerana Abu Qilaabah tidak sempat mendengar apa-apa hadits daripada Abi ad-Dardaa'. Demikian kata Ibnu Rajab dan al-Qasthallaani. Selain itu ia juga dha'if kerana ada di dalam isنادnya 'Abbaad bin Maisarah atau 'Abbaad bin Raasyid al-Minqari. Bukhari, Ahmad, Yahya bin Sa'id al-Qatthaan, Yahya bin Ma'in, Nasaa'i, Abu Daud dan Ibnu Hibbaan menganggapnya dha'if. Imam Ahmad Sebaliknya meriwayatkan hadits Abi ad-Dardaa' berhubung dengan perkara ini dengan lafaz: حَدَّثَنَا سُرَيْجُ بْنُ النُّعْمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا عُبَادُ بْنُ رَاشِدٍ الْمُنْقَرِيُّ عَنْ الْحَسَنِ وَأَبِي قِلَابَةَ كَانَا جَالِسَيْنِ فَقَالَ أَبُو الدَّرْدَاءِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ تَرَكَ صَلَاةً مَكْتُوبَةً حَتَّى تَقُوتَهُ مِنْ غَيْرِ غُرٍّ فَقَدْ خِطَّ عَمَلُهُ Bermaksud: "Sesiapa meninggalkan sembahyang 'Ashar dengan sengaja sehingga ia terlepas, amalannya terhapus." Di dalamnya pula tersebut secara khusus sembahyang 'Ashar. Hadits ini hanya sahih li ghairih. Isnadnya sama juga dengan isناد Ibnu Abi Syaibah di atas. Kerana itu dengan isناد ini pada hakikatnya hadits itu dha'if. Malah dengan isناد yang sama Ibnu Abi Syaibah sendiri sebelum itu telah mengemukakan hadits Abi ad-Dardaa' dengan lafaz ini: مَنْ تَرَكَ الْعَصْرَ حَتَّى تَقُوتَهُ مِنْ غَيْرِ غُرٍّ فَقَدْ خِطَّ عَمَلُهُ Bermaksud: "Sesiapa meninggalkan sembahyang 'Ashar sehingga ia terlepas tanpa sebarang keuzuran, terhapuslah amalannya." Hadits ini juga menyebutkan secara khusus sembahyang 'Ashar. Kalau begitu hadits Abu ad-Dardaa' juga mengkhususkan sembahyang fardhu itu dengan sembahyang 'Ashar. (2) Hadits Naufal bin Mu'aawiah bahawa Nabi s.a.w. bersabda: مَنْ فَاتَتْهُ الصَّلَاةُ فَكَأَنَّمَا وُزِرَ أَهْلُهُ وَمَالُهُ Bermaksud: "Sesiapa terlepas sembahyang (fardhu), dia bagaikan kehilangan ahli keluarga dan harta bendanya." (Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Hibbaan dan Baihaqi). Zahir hadits ini menunjukkan sembahyang fardhu secara umum. (3) Menerusi saluran yang lain, 'Abdur Razzaaq meriwayatkan hadits Naufal bin Mu'aawiah dengan lafaz berikut: عبد الرزاق عن ابن أبي سبرة عن محمد بن عبد الرحمن عن نوفل بن معاوية عن أبيه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya seseorang daripada kamu kehilangan ahli keluarga dan harta bendanya, itu lebih baik lagi daripada dia terlepas waktu sembahyang (fardhu)." Zahir hadits ini juga menunjukkan umum untuk semua sembahyang fardhu. Tetapi hadits yang mahfuz daripada Naufal bin Mu'aawiah seperti yang dikemukakan oleh Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain ialah dengan lafaz: حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ وَشَبَابَةُ قَالََا حَدَّثَنَا اللَّيْثُ بْنُ سَعْدٍ عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي حَبِيبٍ عَنْ عِرَاكِ بْنِ مَالِكٍ عَنْ نُوْفَلِ بْنِ مُعَاوِيَةَ بْنِ عُرْوَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مِنَ الصَّلَوَاتِ صَلَاةٌ مَنْ فَاتَتْهُ فَكَأَنَّمَا وُزِرَ أَهْلُهُ وَمَالُهُ قَالَ ابْنُ عُمرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Ada di antara sekian banyak sembahyang itu satu sembahyang. Orang yang terlepas sembahyang itu bagaikan kehilangan ahli keluarga dan harta bendanya." Kata Ibnu 'Umar: Saya telah mendengar Nabi s.a.w. bersabda: "Sembahyang itu ialah sembahyang 'Ashar." (Hadits riwayat Ibnu Abi Syaibah). Hadits ini jelas menunjukkan bahawa hadits Naufal bin Mu'aawiah itu dikhususkan dengan sembahyang 'Ashar sahaja. Bukhari sendiri, Muslim, Thabaraani dan lain-lain juga